
DAERAH HULU SELANGOR
SEBAGAI HUB AUTOMOTIF



MPHS

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

NASKAH PERCUMA

BIL.1#2026

Tahniah...

YANG DIPERTUA MPHS

TERIMA

ASIAN OUTSTANDING GOVERNMENT & PUBLIC LEADERSHIP AWARD

▸▸35

KUALA LUMPUR



▸▸43 **MPHS** RAIH
ANUGERAH MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECHTURE AWARD (MLAA16)

Sila imbas untuk versi digital

korporatmphs@gmail.com 03-6064 1331 www.mphs.gov.my korporatmphsofficial

SEKAPUR SIRIH

Sekapur Sireh Seulas Pinang,
Dihidang Untuk Makan Bersama,
Kata Ditilip Pantun Dikarang,
Sebagai Pembuka Manis Bicara.

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan salam sejahtera

Salam Malaysia Madani dan Salam Kita Selangor.



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Salam mesra dan selamat bersua kembali kepada para pembaca yang dihormati! Bertemu lagi kita dalam edisi terbaharu Buletin MPHS yang menghimpunkan pelbagai aktiviti, inisiatif, pencapaian dan detik bermakna sepanjang Januari hingga Jun 2026.

Sepanjang tempoh ini, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) terus komited melaksanakan pelbagai program dan aktiviti merangkumi pembangunan komuniti, pengindahan persekitaran, kebersihan, kelestarian alam sekitar serta pengukuhan hubungan strategik bersama agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat. Penganjuran program komuniti, penyertaan dalam majlis rasmi, lawatan kerja serta usaha menarik pelaburan turut mencerminkan komitmen MPHS dalam memacu pembangunan daerah yang progresif dan berdaya saing.

Dalam masa yang sama, kejayaan meraih pelbagai anugerah dan pengiktirafan menjadi bukti komitmen berterusan seluruh warga MPHS dalam mempertingkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dan kecemerlangan organisasi. Setiap inisiatif yang dilaksanakan merupakan langkah penting ke arah mewujudkan persekitaran yang bersih, selamat, mampan dan sejahtera untuk dinikmati oleh seluruh masyarakat Hulu Selangor.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja MPHS, agensi kerajaan, rakan strategik dan masyarakat atas sokongan serta kerjasama yang diberikan. Semoga segala usaha dan pencapaian ini terus menjadi pemangkin kepada pembangunan Hulu Selangor yang lebih gemilang.

Akhir kata, selamat membaca Buletin MPHS edisi Januari hingga Jun 2026. Semoga perkongsian ini dapat mendekatkan MPHS dengan masyarakat serta menyemarakkan semangat kebersamaan dalam membangunkan Hulu Selangor yang maju, sejahtera dan mampan.

Sekian, terima kasih.

YBrs. PUAN JULAIHAH BINTI JAMALUDIN,
A.M.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

KANDUNGAN

SEKAPUR SIREH 2

JANUARI

1. AHLI MAJLIS MPHS LANTIKAN BAHARU ANGKAT SUMPAH BAGI PENGGAL 2026-2027 6
2. PERHIMPUNAN BULANAN PENGUATKUASA BERSEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-45 JABATAN PENGUATKUASAAN 6
3. BENGKEL PERANCANGAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU) 2026 MPHS 6
4. SESI TAKLIMAT PELAKSANAAN FI KELESTARIAN NEGERI SELANGOR 7
5. LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM KE MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR 7
6. OBD HULU SELANGOR ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MPHS BAGI PENGGAL 2026-2027 8
7. MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAZKIRAH PERDANA MPHS SEMPENA ISRAK MIKRAJ 1447H 8
8. PERASMIAN DAN PENYERAHAN DEWAN KOMUNITI SAFFRON DARIPADA SETIATIWI DEVELOPMENT 8
9. SESI DIALOG BERSAMA PENDUDUK PEKAN RASA BERKAITAN ISU BAU BUSUK DAN PENCEMARAN UDARA 9
10. YANG DIPERTUA MPHS MENYANTUNI MANGSA KEBAKARAN 9
11. MESYUARAT PENYELARASAN INDUK SEKRETARIAT SUKMA 2026 PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR 10
12. MAJLIS MENDENGAR AMANAT MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN 2026 10
13. ULANG TAHUN KE-40 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPHS 10
14. PELAKSANAAN UJIAN AIR KENCING *(URINE TEST)* KE ATAS 150 KAKITANGAN MPHS 11
15. MPHS TERIMA PENGIKTIRAFAN *'PINNACLE AWARD'* SEMPENA *GEO INNOVATION MALAYSIA AWARD 2025* 11
16. MAJLIS PENUTUPAN DAN PENGURNIAAN HADIAH MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR 1447H/2026M 11
17. LAWATAN PEMERIKSAAN TAPAK PEMAJUAN TAMAN LANTERA, KUALA KUBU BHARU 12
18. MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT TAHUN BAHARU 2026 OLEH YAB MENTERI BESAR 12
19. MALAM KEBUDAYAAN SEMPENA SAMBUTAN THAIPUSAM PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR 13

FEBRUARI

20. MAJLIS PERAYAAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT NEGERI SELANGOR 13
21. OPERASI BERSEPADU BERSAMA TENAGA NASIONAL BERHAD 13
22. MAJLIS PELANCARAN SUKARELAWAN SUKMA XXII DAN PARA SUKMA SELANGOR 2026 14
23. LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT (MPKL) KE MPHS 14
24. MAJLIS PELANCARAN PECAH TANAH PROJEK *BESTARI SOLAR PHOTOVOLTAIC FARM* 15
25. MAJLIS PELUNCURAN APLIKASI WAKAF SELANGOR 15
26. PROGRAM *SELANGOR ROAD TO CHAMPION* PARA SUKMA 16
27. MAJLIS PENYERAHAN PERMIT DAN KIT BAZAR RAMADHAN 16
28. MPHS RAIH LAPAN (8) PENGIKTIRAFAN DI MAJLIS ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2025 16
29. LAWATAN TAPAK TEKNIKAL YANG DIPERTUAHOSPITAL KUALA KUBU BHARU 17
30. SESI TAKLIMAT LAWATAN TAPAK BAGI PROJEK PENSTABILAN CERUN 17
31. PROGRAM SEMARAK RAMADAN 18
32. PROGRAM SINGGAH BAZAR DAN AGIHAN BUBUR LAMBUK 18
33. MAJLIS AKRAB MAHABBAH INSANI RAMADHAN 19
34. PROGRAM ZIARAH RAMADAN 2026 19
35. PENINJAUAN KAWASAN BAGI PROJEK MURAL 20
36. LAWATAN BERSAMA AHLI MAJLIS KAWASAN DAN YDP ATAS ADUAN YANG DITERIMA DARIPADA ORANG AWAM 20

MAC

37. MAJLIS APRESIASI LESTARI HULU SELANGOR 20
38. PROGRAM BAZAR RAMADHAN MAMPAN 21
39. MAJLIS KHATAM AL QURAN MPHS 21
40. MAJLIS SUMBANGAN AIDILFITRI KEPADA ANAK YATIM 22
41. PROGRAM MINI KARNIVAL KOMUNITI AIDILFITRI REWANG KOMUNITI 22

KANDUNGAN

42. MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA 22
43. *WORLD QURAN HOUR* 23
44. SESI SEMAKAN DOKUMEN SPB PBT 23
45. MAJLIS BERBUKA PUASA MPHS 23
46. PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK DAN KARI KAMBING 24
47. LAWATAN TAPAK JALAN KELUAR MASUK JALAN BAKAWALI 24
48. PEMERIKSAAN KILANG KITAR SEMULA 24
49. MESYUARAT KALI KE-40 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPHS 25
50. KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA 25
51. MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI 25
52. PROGRAM SUMBANGAN IKHLAS MPHS BERSAMA KDSK SEMPENA AIDILFITRI 2026 26
53. LAWATAN KE KILANG SELASIH AMAN 26
54. JAMUAN HARI RAYA MPHS 26

APRIL

55. KUNJUNG HORMAT SaBDA 27
56. JELAJAH TAAT SETIA MADANI PERINGKAT NEGERI SELANGOR 27
57. JELAJAH KOMUNITI STRATA 1.0 28
58. MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN 28
59. TAKLIMAT SISTEM MyANULAE SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-11 ANULAE MPHS 28
60. MAJLIS BACAAN YASSIN WARGA KERJA MPHS 29
61. *PLAY DAY WLAM* 29
62. SEMARAK IN0VASI SEKTOR AWAM 2026 29
63. BENGKEL PEMANTAPAN PELAKSANAAN ISO 30
64. LAWATAN TAPAK BAGI PERSEDIAAN SUKAN SUKMA 30
65. KURSUS APLIKASI PSIKOLOGI 30
66. CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN 31
67. KAWALAN ANJING TERBIAR MPHS JADI RUJUKAN PASUKAN KESELAMATAN UPM 31
68. PROGRAM MEMBACA 10 MINIT 31
69. MAJLIS PENYERAHAN KOMPONEN AEROANGKASA OLEH UMW AEROSPACE SDN. BHD. KEPADA ROLLS-ROYCE 32



70. LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI MAJLIS BANDAR DIRAJA KLANG 32
71. PROGRAM BERSAMA MENTERI BESAR 33
72. PERASMIAN PERSIDANGAN WLAM DAN KURSUS PEMANTAPAN KONTRAKTOR 2026 33
73. LAWATAN PENANDAARASAN JABATAN PENGUATKUASAAN MBSJ KE MPHS 34
74. MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2025 34

MEI

75. YDP MPHS TERIMA *ASIAN OUTSTANDING GOVERNMENT & PUBLIC LEADERSHIP AWARD* 35
76. KUBU KLASIK BAZAR, MPHS 35
77. SNOOKER KSDK 36
78. PROGRAM ZIARAH KEBAJIKAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR 36
79. BENGKEL PEMBANGUNAN PRODUK *GARDEN HERITAGE CITY* KUALA KUBU BHARU 36
80. JELAJAH PENGANGKUTAN AWAM BERSAMA BAS *SMART SELANGOR* 37
81. MAJLIS PENGHARGAAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH HULU SELANGOR 37
82. LAWATAN PENANDA ARAS MPAJ KE MPHS 37
83. MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR (MPHS) BILANGAN 5/2026 38

KANDUNGAN

JUN

84. PROGRAM HARI RAKAN KONGSI SELANGOR KE-3 TAHUN 2026 38
85. PROGRAM *HULU SELANGOR HALF MARATHON 2026 (HSHM 2026)* 39
86. PROGRAM ZIARAH KELUARGA ALLAHYARHAM SYAMSURY BIN IBRAHIM OLEH KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR 40
87. SUKAN ANTARA JABATAN MPHS - BOLA JARING 40
88. LAWATAN KERJA YANG DIPERTUA MPHS KE INDUSTRI TEMPATAN 41
89. BENGKEL PENGENALAN KEPADA HARTA INTELEK (IP), PATEN, HAK CIPTA 101 DAN PENGKORMESIALAN HARTA INTELEK 41
90. PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA PERSIAPAN LARIAN OBOR SUKMA SELANGOR 42
91. PROGRAM *LOCAL BUSINESS CONNECT @ HULU SELANGOR* PERKASA USAHAWAN TEMPATAN 42
92. MPHS TERIMA ANUGERAH *MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARD (MLAA16)* 43
93. ACARA PENYAMPAIAN APRESIASI KEPADA JMB/MC MPHS 2025 43
94. LARIAN OBOR SUKMA & PARA SUKMA 2026 44
95. TAHNIAH DAN SYABAS! YDP ATAS PENGANUGERAHAN PANGKAT MEJAR (KEHORMAT) JAKPAW 44
96. LAWATAN MENGEJUT YDP MPHS KE JABATAN SIRI 3 TAHUN 2026 45
97. *TOPPING OUT CEREMONY OF CHERY SMART INDUSTRIAL PARK* 45
98. SIMPOSIUM PENGURUSAN STRATA MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR 2026, 'MENDEPANI CABARAN STRATA: DARI PEMBANGUNAN KE PENGURUSAN CEMERLANG' 46
99. PENYERAHAN OBOR SUKMA KE MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG 46
100. OPERASI MENEMBAK GAGAK SIRI 1/2026: MPHS LAKSANAKAN TINDAKAN KAWALAN POPULASI HAIWAN PEROSAK 47
101. LAWATAN KERJA KE TAPAK PELUPUSAN BUKIT TAGAR 47
102. MAJLIS PENGIKTIRAFAN REFORMASI KERANAH BIROKRASI (RKB) 2026: MPHS TERIMA DUA (2) PENGIKTIRAFAN 47

PROGRAM AHLI MAJLIS **48-51**

LAPORAN ADUAN **52-53**

DIREKTORI PENGURUSAN TERTINGGI MPHS DAN AHLI MAJLIS **54-55**

SIDANG REDAKSI
BULETIN MPHS BIL.1/2026

PENAUNG **YBrs. Puan Julaihah Binti Jamaludin,** *A.M.S.*
Yang Dipertua

PENASIHAT **Puan Dewi Dirwana Binti Munasir,** *A.I.S.*
Setiausaha

KETUA PENGARANG **Puan Junainah Binti Abdullah,** *P.P.T.*
Ketua Bahagian Korporat

PENGARANG **Puan Siti Khalijah Mahauddin,** *P.J.K.*

JURU FOTO **Abdul Azim Bin Abu Bakar**

DITERBITKAN OLEH **Bahagian Korporat**
Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan
44000 Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.
Emel: **korporatmphs@gmail.com** | **03 6064 1331 samb. 121 & 252**

AHLI MAJLIS MPHS LANTIKAN BAHARU ANGKAT SUMPAH
BAGI PENGGAL TAHUN 2026-2027



5 JANUARI 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Seramai **23 orang Ahli Majlis baharu Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) bagi penggal 2026-2027** telah mengangkat sumpah di hadapan YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS. Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berperanan sebagai wakil kerajaan Negeri dan PBT dalam menyampaikan dasar, inisiatif serta program kepada komuniti setempat di samping mewakili kepentingan masyarakat bagi memastikan aspek keselamatan, kesejahteraan dan penyampaian perkhidmatan dapat diperkasakan selaras dengan visi, misi dan aspirasi kerajaan Negeri. Majlis turut dihadiri oleh Yang Berusaha Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha merangkap Timbalan Yang Dipertua MPHS, barisan Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Bahagian MPHS serta YBrs. Dr. Sathia Prakash A/L Nadarajan, Penyelaras Parlimen Hulu Selangor selaku pemerhati.









PERHIMPUNAN BULANAN PENGUATKUASA
BERSEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-35 JABATAN PENGUATKUASAAN



5 JANUARI 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Perhimpunan berkenaan telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS. Majlis turut menyaksikan pelantikan Ketua Zon, Koperal dan Sarjan Jabatan Penguatkuasaan serta perasmian Warden Lalu Lintas MPHS sebagai usaha memperkukuhkan pentadbiran dan pengurusan lalu lintas di kawasan tumpuan awam. Selain itu, majlis turut dimeriahkan dengan penyampaian hadiah Pertandingan Inovasi 2026, Sijil Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 serta penyerahan Sijil Pelantikan Pasukan Pengurusan Nilai Jabatan Perkhidmatan Awam (SPAN 2.0) selaras dengan kejayaan MPHS melengkapkan pengauditan nilai dengan markah cemerlang sebanyak 90.94 peratus. Turut diadakan penyampaian hadiah Kejohanan Bola Jaring Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Diraja Klang serta **Anugerah Pekerja Terbaik** bagi tempoh Julai hingga Disember 2025 sebagai penghargaan kepada warga kerja yang menunjukkan prestasi cemerlang.

















BENGKEL PERANCANGAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU) TAHUN 2026
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

7 JANUARI 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menganjurkan Bengkel Perancangan Sasaran Kerja Utama (SKU) 2026 yang berlangsung dari 7 hingga 10 Januari 2026 yang lalu bertempat di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan sebagai usaha memperkukuh perancangan strategik organisasi bagi tahun 2026. Bengkel ini bertujuan menilai pencapaian Sasaran Kerja Utama (SKU) tahun 2025 serta menyemak pelaksanaan Pelan Strategik MPHS 2025, di samping merangka Sasaran Kerja Utama (SKU) 2026 yang selaras dengan keperluan semasa, aspirasi komuniti dan agenda pembangunan mampan Daerah Hulu Selangor. Selain itu, bengkel ini turut memberi penekanan kepada perbincangan berkaitan hala tuju pembangunan daerah, penambahbaikan penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pengukuhan tadbir urus berkesan, kesejahteraan masyarakat serta kelestarian bandar di bawah pentadbiran MPHS. Bengkel ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan dihadiri oleh Setiausaha MPHS, Pengarah-Pengarah Jabatan serta Ketua-Ketua Bahagian dan Unit MPHS. **Majlis Perbandaran Hulu Selangor komited untuk terus memperkukuh peranannya sebagai pemacu pembangunan setempat melalui perancangan strategik yang tersusun dan berimpak tinggi demi kesejahteraan rakyat serta kemajuan berterusan Daerah Hulu Selangor.**











SESI TAKLIMAT PELAKSANAAN FI KELESTARIAN NEGERI SELANGOR

12 JANUARI 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menganjurkan Sesi Taklimat Pelaksanaan Fi Kelestarian Negeri Selangor yang melibatkan pengusaha hotel, rumah tumpangan, inap desa dan premis penginapan pelancongan berlesen di kawasan pentadbiran MPHS. Ucapan aluan telah disampaikan oleh Encik Kamaruzzaman bin Abdul Rahman, Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan, diikuti taklimat garis panduan pengenaan fi oleh Encik Muhammad Izzudin Asyraf bin Mahadi, Penolong Pegawai Kewangan Negeri, Bahagian Pengurusan Hasil, Perbendaharaan Negeri Selangor, serta taklimat pendaftaran dan penggredan hotel oleh YBrs. Puan Shareenayanti Razi, Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Fi Kelestarian yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026 ini dikenakan kepada pelancong tempatan dan antarabangsa yang menginap di premis penginapan pelancongan berlesen mengikut kadar semalaman berdasarkan kategori premis. Pelaksanaan fi ini bertujuan menyokong pembangunan infrastruktur pelancongan, pemuliharaan alam sekitar serta kelestarian industri pelancongan Negeri Selangor.









LAWATAN PENANDAARASAN
MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM KE MPHS

15 JANUARI 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima kunjungan delegasi daripada Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) yang diketuai oleh Encik Helmi bin Hamzah bersama sembilan kakitangan dalam usaha memperkukuh kerjasama strategik serta berkongsi amalan terbaik berkaitan pengurusan kesihatan dan kelestarian persekitaran. Lawatan dimulakan dengan sesi pembentangan mengenai proses penggredan premis makanan, tatacara kawalan keselamatan dan kebersihan premis serta prosedur operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Bahagian Inspektorat, JPSPPA bagi menjamin kesihatan komuniti. Delegasi turut diberikan penerangan mengenai strategi MPHS dalam memperkasakan amalan kitar semula melalui projek Inovasi Sisa Jadi Dana (SIDINA) yang berteraskan konsep ekonomi kitaran bagi menjadikan sisa sebagai sumber pendapatan kepada komuniti. Selain itu, turut dikongsikan pengurusan tandas awam melalui aplikasi MyWC sebelum delegasi dibawa melawat Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Automatik (ADTREC) SIDINA serta mesin kitar semula minyak masak terpakai automatik bagi melihat sendiri pelaksanaan inisiatif kelestarian MPHS.







OBD HULU SELANGOR SELESAI ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS MPHS

LANTIKAN BAHARU BAGI PENGGAL TAHUN 2026-2027



15 JANUARI 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Yang Amat Dihormati Engku Orang Kaya Mahabijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah (OBD) Hulu Selangor, telah selesai mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) bagi penggal 2026–2027 di hadapan YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS. MPHS merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan ini dan mendoakan agar amanah yang dipikul dapat dilaksanakan dengan cemerlang dalam memperkasa tadbir urus serta pembangunan daerah Hulu Selangor, khususnya dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada komuniti terus dipertingkat. Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha merangkap Timbalan Yang Dipertua, barisan Ahli Majlis serta Pengarah-pengarah Jabatan dan Ketua-ketua Bahagian MPHS.



MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAZKIRAH PERDANA MPHS

SEMPENA ISRAK MIKRAJ 1447 HIJRAH

16 JANUARI 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Program kerohanian anjuran Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dengan kerjasama AKRAB MPHS telah diadakan di Masjid Jamek Ar-Rahimah, Kuala Kubu Bharu sebagai salah satu pengisian tahunan bagi memperkukuh nilai spiritual dalam kalangan warga kerja MPHS dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Hulu Selangor. Program ini menampilkan tazkirah bertajuk **"Penghayatan Sebuah Perjalanan"** yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Adam bin Ab Rashid, Pegawai Hal Ehwal Islam merangkap Pengurus Masjid Ar-Rahimah Kuala Kubu Bharu. Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS bersama YBrs. Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha MPHS, Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan selaku Pengerusi AKRAB MPHS, serta Pengarah-pengarah Jabatan, Ketua-ketua Bahagian/unit dan warga kerja MPHS. MPHS turut merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Masjid Jamek Ar-Rahimah atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program ilmu ini.



PERASMIAN DAN PENYERAHAN DEWAN KOMUNITI SAFFRON



17 JANUARI 2026 ● BUKIT SENTOSA. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) secara rasminya telah menerima penyerahan Dewan Komuniti Saffron, Bukit Sentosa yang dibangunkan oleh Setiatiwi Development Sdn. Bhd. Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Setiatiwi Development Sdn. Bhd., YBhg. Dr. Lee Yuen Pen kepada YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, dengan disaksikan oleh Penyelaras Parlimen Hulu Selangor, Dr. Sathia Prakash Nadarajan serta Penyelaras DUN Batang Kali, Saifuddin bin Shafi Muhammad. Dewan komuniti ini merupakan kemudahan awam di Taman Saffron yang disediakan bagi kegunaan penduduk setempat menjalankan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan sukan, serta dilengkapi kemudahan seperti dua gelanggang badminton, pentas, tandas, pejabat pengurusan, bilik persalinan dan kawasan parkir. Taman Saffron merupakan pembangunan perumahan berskala besar yang dibangunkan sejak 2021 dengan kelulusan pelan pada 2023, selaras dengan pelaksanaan Dasar Bina dan Serah Kemudahan Awam MPHS yang diluluskan pada 2019 bagi memastikan setiap pembangunan menyediakan kemudahan komuniti. Dengan keluasan kira-kira 2,100 meter persegi, Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) telah dikeluarkan pada 12 Disember 2025 selepas pematuhan penuh syarat pembangunan. MPHS merakamkan penghargaan kepada pihak pemaju atas komitmen tersebut dan berharap kemudahan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat. Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis, pengarah-pengarah MPHS serta wakil jabatan teknikal Daerah Hulu Selangor.







SESI DIALOG BERSAMA PENDUDUK PEKAN RASA

BERKAITAN ISU BAU BUSUK DAN PENCEMARAN UDARA















17 JANUARI 2026 • RASA. Yang Berhormat Pang Sock Tao, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Kubu Bharu, bersama Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) MPHS telah tempat. Sesi ini turut dihadiri oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Penyelaras Parlimen Hulu Selangor, Dr. Sathia Prakash A/L Nadarajan, wakil Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor serta wakil syarikat industri sekitar kawasan Rasa. Antara isu utama yang dibangkitkan termasuk kebimbangan terhadap kualiti udara, kesan pencemaran bau kepada kesihatan, pematuhan garis panduan industri, serta isu kenderaan berat di kawasan perumahan. Dalam sesi tersebut, Yang Dipertua MPHS turut mencadangkan agar **JAS mengkaji semula kesesuaian penambahan jenis aktiviti industri di Kawasan Perindustrian Zurah, Rasa secara bersama dengan MPHS bagi memperkukuh kawalan pencemaran.** YB Pang Sock Tao pula menegaskan keperluan syarikat industri untuk menaik taraf serta memantau peralatan kawalan pencemaran secara berterusan, di samping menekankan kepentingan pembangunan industri yang seimbang dengan kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan rakyat dan komuniti setempat.

YANG DIPERTUA MPHS MENYANTUNI MANGSA KEBAKARAN









18 JANUARI 2026 • KUALA KUBU BHARU. Yang Berusaha Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), telah menyantuni mangsa-mangsa kebakaran yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Dewan Serbaguna Kuala Kubu Bharu. Dalam lawatan tersebut, MPHS turut menyampaikan sumbangan wang tunai kepada mangsa yang terjejas sebagai tanda keprihatinan dan sokongan, selain YDP MPHS meluangkan masa beramah mesra dengan mangsa serta petugas PPS. Turut hadir ialah YB Puan Pang Sock Tao, ADUN Kuala Kubu Bharu, Puan Saripah binti Bakar, Ahli Majlis Zon 9, Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPHS serta wakil Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor. MPHS turut merakamkan rasa simpati atas bencana yang berlaku serta mendoakan agar semua mangsa diberikan ketabahan dalam menghadapi ujian tersebut.







MESYUARAT PENYELARASAN INDUK SEKRETARIAT SUKMA 2026 PERINGKAT DAERAH HULU SELANGOR

19 JANUARI 2026 ● KUALA KUBU BHARU.

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Induk Sekretariat Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 Peringkat Daerah Hulu Selangor bagi persediaan *venue* Acara Bola Sepak Wanita yang dijadualkan berlangsung pada Ogos 2026. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YBrs. Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha MPHS dan dihadiri oleh wakil jabatan dalaman MPHS serta agensi berkaitan, dengan pembentangan status persiapan disampaikan oleh Encik Ahmad Lutfi bin Mohd Sam manakala skop kerja serta peranan jabatan dan agensi sokongan dibentangkan oleh Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin. Mesyuarat ini turut menekankan kepentingan kerjasama strategik, penyelarasan bersepadu dan pematuhan garis panduan bagi memastikan Daerah Hulu Selangor bersedia sepenuhnya sebagai tuan rumah Acara Bola Sepak Wanita SUKMA Selangor 2026.

MAJLIS MENDENGAR AMANAT MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN TAHUN 2026

20 JANUARI 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Program ini dianjurkan bagi meraikan komuniti istimewa serta menghargai peranan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di Hulu Selangor dalam membangunkan potensi golongan OKU, di samping mengukuhkan jalinan kerjasama antara agensi, pemimpin komuniti dan penerima manfaat. Seramai 118 peserta daripada 9 PPDK Hulu Selangor telah menyertai program di Zoo Negara yang merangkumi pelbagai aktiviti santai dan edukasi, termasuk sesi penyerahan sumbangan. Kehadiran Ahli-ahli Majlis dan wakil pengurusan MPHS mencerminkan komitmen berterusan dalam menyantuni serta memperkasa komuniti OKU di Hulu Selangor.





KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

ULANG TAHUN KE 40 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPHS

21 JANUARI 2026 ● KUALA KUBU BHARU.

Kelab Sukan dan Kebajikan MPHS (KSDK MPHS) telah menyambut ulang tahun ke-40 penubuhannya dalam satu majlis ringkas namun penuh bermakna. Majlis ini turut dihadiri oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah Jamaludin, Setiausaha merangkap Timbalan Yang Dipertua, Puan Dewi Dirwana Munasir, Yang Dipertua KSDK, Encik Khairul Anuar bin Khalid, Ahli-Ahli Majlis serta Pengarah-Pengarah Jabatan MPHS. Majlis dimulakan dengan simbolik pemotongan pulut kuning sebagai tanda ulang tahun ke-40 KSDK MPHS, diikuti dengan penyampaian t-shirt khas ulang tahun kepada ahli kelab sebagai tanda penghargaan dan semangat kebersamaan warga MPHS.











PELAKSANAAN UJIAN SARINGAN AIR KENCING *(URINE TEST)* KE ATAS 150 KAKITANGAN MPHS

21 JANUARI 2026 • KUALA KUBU BHARU. Unit Integriti Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah melaksanakan ujian saringan air kencing terhadap 150 orang kakitangan MPHS sebagai langkah berterusan membendung penyalahgunaan dadah serta memastikan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan produktif. Saringan ini dikendalikan oleh pegawai-pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Hulu Selangor yang diketuai oleh Encik Kazlisahfizan bin Kapis, Penolong Pegawai Antidadah Daerah Hulu Selangor. Inisiatif ini mencerminkan komitmen MPHS dalam membudayakan persekitaran kerja bebas dadah serta memperkukuh integriti dan profesionalisme warga kerja.







MPHS TERIMA PENGIKTIRAFAN 'PINNACLE AWARD' GEOINNOVATION MALAYSIA AWARD 2025



22 JANUARI 2026 • KUALA LUMPUR. Yang Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) buat julung kalinya telah menerima pengiktirafan ***'Pinnacle Award'*** sempena ***GeoInnovation Malaysia Award 2025*** yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), anjuran Esri Malaysia sebagai pengiktirafan kepada organisasi yang cemerlang dalam penggunaan teknologi **Sistem Maklumat Geografi (GIS)** bagi memperkasa tadbir urus, perancangan bandar dan penyampaian perkhidmatan. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Ybhg. Mr. Leslie Wong, *Managing Director* Esri South Asia dan Ybhg. Mr CS Tan, *Chief Executive Officer* Esri Malaysia, dan diterima oleh Ybrs. Encik Shaiful Rizza bin Haji Piamin, Penolong Setiausaha MPHS, bersama pegawai serta pasukan penyelaras GIS MPHS. Dalam majlis yang sama, MPHS turut dijemput berkongsi amalan terbaik melalui pembentangan oleh Ybrs. TPr Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar, berkaitan pelaksanaan sistem EIS MPHS yang menyokong perancangan bandar dan keputusan berasaskan data spatial, sekali gus menjadi pemangkin kepada usaha MPHS dalam memperkukuh pembangunan mampan dan kualiti perkhidmatan kepada komuniti.










MAJLIS PENUTUPAN DAN PENGURNIAAN HADIAH MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN Al-Quran PERINGKAT NEGERI SELANGOR 1447H/2026M

23 JANUARI 2026 • SHAH ALAM. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin telah menghadiri Majlis Penutupan dan Pengurniaan Hadiah Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Selangor Tahun 1447H/2026M yang berlangsung di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Majlis berprestij tersebut telah diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bersama Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor. MPHS turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada para qari, qariah, hafiz dan hafizah yang telah menunjukkan kecemerlangan serta dedikasi dalam memartabatkan keindahan dan kesucian Al-Quran.









LAWATAN PEMERIKSAAN TAPAK PEMAJUAN TAMAN LANTERA KUALA KUBU BHARU

24 JANUARI 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Satu lawatan pemeriksaan pemajuan telah dilaksanakan oleh Yang Berusaha Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), bagi meninjau kemajuan projek serta memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan. Lawatan tersebut turut disertai oleh YBrs. TPr Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPHS bersama wakil pemaju, Irama Setia Sdn. Bhd.





MALAM KEBUDAYAAN SEMPENA SAMBUTAN THAIPUSAM PERINGKAT DAERAH HULU SEL OR

31 JANUARI 2026 ● KERLING. YBrs. Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha merangkap Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), telah menghadiri Malam Kebudayaan Sempena Sambutan Perayaan Thaipusam di Dewan Kuil Arulmigu Sri Subramaniar, Kerling. Majlis telah dirasmikan oleh YB Tuan Papparaidu a/l







Veraman, EXCO Sumber Manusia dan Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor, yang hadir bersama isteri dalam suasana meriah yang menyemarakkan semangat perpaduan masyarakat setempat. Turut hadir ialah YB Pang Sock Tao, ADUN Kuala Kubu Bharu; Puan Law Suet Peng; Encik Puvanesvaran a/l Patchimuthu; Ahli-Ahli Majlis serta Puan Junainah Abdullah, Ketua Bahagian Korporat MPHS. Kehadiran MPHS mencerminkan komitmen berterusan dalam menyokong keharmonian, menghargai kepelbagaian budaya dan memperkukuh hubungan bersama komuniti di Daerah Hulu Selangor.





AMANAT TAHUN BARU 2026

OLEH YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

26 JANUARI 2026 ● SHAH ALAM.



Majlis Penyampaian Amanat Tahun Baharu 2026 oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah diadakan di Dewan Raja Muda Musa, Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor, Seksyen 7, Shah Alam. Turut hadir mendengar amanat tersebut ialah Yang Berusaha Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) bersama Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha MPHS serta Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian, pegawai dan kakitangan MPHS.



Dalam masa sama, warga kerja MPHS yang berada di pejabat turut mengikuti siaran amanat tersebut secara dalam talian di Bilik Mesyuarat Chiling MPHS.







MAJLIS PERAYAAN

TAHUN BARU CINA

PERINGKAT NEGERI SELANGOR



7 FEBRUARI 2026 • PUCHONG. YBrs. Puan Julaihah Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, telah menghadiri Majlis Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor Tahun 2026 anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Invest Selangor dan MBSJ di Taman Rekreasi Wawasan, Puchong. Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, dan turut dihadiri oleh YABhg Datin Seri Masdiana, isteri kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor, YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Negeri Selangor, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Negeri, Yang dipertua pihak berkuasa tempatan serta ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan. Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan masyarakat Cina serta penyampaian angpau kepada kanak-kanak.









OPERASI BERSEPADU

BERSAMA

TENAGA NASIONAL BERHAD



7 FEBRUARI 2026 BUKIT BERUNTUNG. Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dengan kerjasama *Team Special Engagement Against Losses (SEAL)* Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah melaksanakan operasi bersepadu di sekitar Bukit Beruntung susulan aduan awam berhubung gangguan bekalan elektrik. Operasi yang turut disertai oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, telah mengenal pasti lima (5) buah premis perniagaan yang menjalankan aktiviti perlombongan *Bitcoin* tanpa kebenaran atau lesen yang sah. Susulan itu, peralatan perlombongan *Bitcoin* di premis terlibat telah disita mengikut peruntukan undang-undang dan tatacara yang berkuat kuasa. Aktiviti perlombongan *Bitcoin* tanpa kebenaran boleh menyebabkan gangguan bekalan elektrik, kerosakan infrastruktur, risiko litar pintas dan kebakaran serta menjejaskan keselamatan komuniti setempat. MPHS dan TNB menegaskan bahawa semua aktiviti perniagaan dan penggunaan elektrik perlu mematuhi peraturan serta syarat yang ditetapkan. Pemilik premis dinasihatkan supaya memastikan premis tidak disalahgunakan untuk aktiviti menyalahi undang-undang, manakala orang awam yang mempunyai maklumat atau ingin membuat aduan boleh menghubungi MPHS atau pejabat TNB berdekatan.













MAJLIS PELANCARAN SUKARELAWAN SUKMA XXII DAN PARA SUKMA SELANGOR 2026

Rentak Kita, Aksi kIta



8 FEBRUARI 2026 • SHAH ALAM. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menghadiri Majlis Pelancaran Sukarelawan SUKMA XXII dan PARA SUKMA Selangor 2026 yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. MPHS diwakili oleh Setiausaha MPHS, Puan Dewi Dirwana binti Munasir bersama Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPHS, Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin. Dalam majlis tersebut, YAB Dato' Menteri Besar Selangor memaklumkan bahawa seramai **5,000 orang sukarelawan** diperlukan bagi menyokong penganjuran temasya sukan berprestij ini serta menyeru golongan belia, pelajar dan masyarakat untuk turut serta. SUKMA XXII Selangor 2026 telah berlangsung pada 15 hingga 24 Ogos 2026 dengan mempertandingkan **474 acara daripada 37 jenis sukan**, manakala Para SUKMA Selangor 2026 telah berlangsung pada 5 hingga 14 September 2026.











LAWATAN PENANDAARASAN
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT (MPKL) KE MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR



9 FEBRUARI 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima lawatan daripada Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) bagi berkongsi pengetahuan serta melihat proses kerja dan pengoperasian kaunter bersepadu MPHS. Delegasi MPKL yang diketuai oleh Puan Norashidah binti Rosli, Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPKL, bersama 12 orang kakitangan daripada pelbagai jabatan telah disambut oleh Encik Shaiful Rizza bin Hj Piamin, Pengarah Jabatan Perbendaharaan merangkap Penolong Setiausaha MPHS. Sesi penerangan mengenai pengoperasian kaunter bersepadu telah disampaikan oleh Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPHS, bertempat di Bilik Mesyuarat Lata Medang MPHS.









MAJLIS PELANCARAN PECAH TANAH
PROJEK *BESTARI SOLAR PHOTOVOLTAIC FARM*













9 FEBRUARI 2026 • BESTARI JAYA. Kerajaan Negeri Selangor terus memperkukuh agenda tenaga mampan menerusi pelaksanaan Projek Solar Fotovoltaik (PV) Bestari, yang bakal muncul sebagai ladang solar terbesar di negeri ini. Projek di bawah Program Solar Skala Besar Kelima (LSS5) ini merangkumi kawasan lebih **430 hektar** dengan kapasiti penjanaan sebanyak **300 megawatt (MWac)**. Majlis pecah tanah projek ini telah disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari. Turut memeriahkan majlis ialah YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), YBrs. Tuan Haji Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor serta Tuan Mohd Raiz bin Radzuan, Pegawai Daerah Kuala Selangor. Dalam ucapannya, Dato' Menteri Besar Selangor memaklumkan bahawa projek ini memainkan peranan penting dalam menampung permintaan tenaga di Lembah Klang, khususnya bagi sektor perindustrian, perumahan serta perkembangan pesat kenderaan elektrik (EV). Inisiatif ini juga sejajar dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Baharu (NETR) dan menyokong aspirasi Ekonomi Hijau Selangor. Pelaksanaan projek ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Selangor dalam memperluas penggunaan tenaga boleh baharu, memelihara kelestarian alam sekitar serta merangsang pertumbuhan ekonomi hijau demi kesejahteraan rakyat dan masa depan negeri.



MAJLIS PELUNCURAN APLIKASI WAKAF SELANGOR DAN BULAN WAKAF
PERINGKAT NEGERI SELANGOR





10 FEBRUARI 2026 • SHAH ALAM. Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah melancarkan Aplikasi Wakaf Selangor, sebuah platform digital bagi memudahkan urusan wakaf serta menggalakkan penyertaan masyarakat secara lebih sistematik, telus dan mesra pengguna. Aplikasi ini membolehkan orang ramai berwakaf pada bila-bila masa, menyemak rekod wakaf serta mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti dan agihan wakaf PWS. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Dr. Muhammad Fahmi bin Ngah, EXCO Agama Islam dan Pembudayaan Inovasi Selangor, dan turut dihadiri oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS). Majlis turut menyaksikan penyerahan simbolik cek cura Wakaf Tunai berjumlah **RM400,000.00** daripada 11 syarikat korporat, antaranya Worldwide Holdings Bhd. (RM150,000.00), Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (RM100,000.00), KDEB Waste Management (RM50,000.00), Menteri Besar Selangor Incorporated dan Aiman Platinum Sdn. Bhd. (masing-masing RM20,000.00), PKNS Real Estate, MZR Global Sdn. Bhd., Selangor Industrial Corporation dan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (masing-masing RM10,000.00), serta Meem Gold dan AFTACop Sdn. Bhd. (masing-masing RM5,000.00).





Program Selangor

ROAD TO CHAMPION PARA SUKMA 2026

10 FEBRUARI 2026 ● SHAH ALAM

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menghadiri Program ***Selangor "Road To Champion"*** Para SUKMA 2026 serta Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Kontinjen Para SUKMA Negeri Selangor yang berlangsung di Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor, serta turut dihadiri oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin bersama Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPHS sebagai tanda sokongan terhadap pembangunan sukan negeri. Dalam ucapan perasmian, YB EXCO menegaskan bahawa atlet PARA diberikan layanan, sokongan dan pengiktirafan yang setara dengan atlet arus perdana, selaras dengan aspirasi sukan inklusif Negeri Selangor. MPHS kekal komited dalam menyokong penganjuran SUKMA XXII Selangor 2026 dan Para SUKMA 2026 bagi melahirkan atlet berprestasi tinggi serta berdaya saing.







MAJLIS PENYERAHAN PERMIT DAN KIT BAZAR RAMADHAN MBSA 2026

11 FEBRUARI 2026 ● SHAH ALAM. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menghadiri Majlis Penyerahan Permit dan Kit Bazar Ramadan MBSA Tahun 2026 bertempat di Pusat Konvensyen MBSA, Seksyen 13, Shah Alam. Majlis turut menyaksikan pelancaran usahasama rakan strategik antara Menteri Besar Incorporated (MBI), Agrobank dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi Program Bazar Ramadan 2026 menerusi inisiatif Platform Selangor (PLATS) untuk memperkukuh sokongan kepada usahawan mikro dan kecil. Dalam majlis tersebut, Pengarah Pelesenan dan Pembangunan Usahawan MPHS telah menerima plak penghargaan daripada Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, sebagai pengiktirafan terhadap komitmen dan kerjasama strategik antara PBT. Majlis turut menyaksikan penyampaian sijil penghargaan kepada rakan kerjasama serta dihadiri barisan kepimpinan negeri dan pengurusan tertinggi pihak berkuasa tempatan.





MPHS RAIH LAPAN (8) PENGIKTIRAFAN DI Majlis Anugerah BANDAR RENDAH KARBON 2025

12 FEBRUARI 2026 ● KUALA LUMPUR

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima lapan Anugerah Diamond bersempena Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025 menerusi penyertaan dalam program Low Carbon Cities 2030 Challenge (LCC2030C) yang berlangsung di Hilton Hotel, Kuala Lumpur. Majlis anjuran Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Anugerah telah diterima oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, bersama barisan pengarah dan pegawai MPHS, melibatkan tujuh pengiktirafan dalam Kategori Rakan Kongsi, iaitu **Ibu Pejabat MPHS (1 Diamond), Mini Stadium Kuala Kubu Bharu** dan **Hospital Kuala Kubu Bharu (3 Diamond), Pusat Informasi Pelancongan (TIC) Kuala Kubu Bharu** dan **UMW Campus Serendah (4 Diamond)**, serta **Sekolah Kebangsaan Kuala Kubu Bharu** dan **Bangunan Bengkel MPHS (5 Diamond)**, selain **Kawasan Institusi Pendidikan Milenium Kuala Kubu Bharu** yang menerima **3 Diamond** dalam Kategori Zon Bandar Rendah Karbon. Pencapaian ini mencerminkan komitmen MPHS bersama rakan strategik dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau serta menyokong aspirasi Hulu Selangor ke arah bandar rendah karbon, mampan dan lestari menjelang 2035.









LAWATAN TAPAK TEKNIKAL YANG DIPERTUA KE HOSPITAL KUALA KUBU BHARU








20 FEBRUARI 2026 • KUALA KUBU BHARU. YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), telah mengadakan lawatan tapak teknikal ke Hospital Kuala Kubu Bharu bagi membincangkan isu teknikal berkaitan cadangan tambahan dan pengubahsuaian bangunan kuarters hospital lama untuk dijadikan bilik fisiologi. Lawatan ini turut disertai oleh Puan Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPHS, wakil Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Bangunan MPHS, wakil pihak hospital serta pihak perunding. Pihak MPHS secara dasarnya tiada halangan untuk membantu pihak hospital dalam menangani isu teknikal yang dibangkitkan. Lawatan ini diharap dapat memperkukuh kerjasama dan hubungan antara agensi kerajaan dalam daerah Hulu Selangor.





SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK BAGI PROJEK PENSTABILAN CERUN







25 FEBRUARI 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dengan kerjasama IKRAM Works Sdn. Bhd. telah menganjurkan Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak bagi Projek Penstabilan Cerun di Tebing Pangsapuri Kenanga, Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung. Projek ini merupakan projek perintis penggunaan *Building Information Modelling (BIM)* bagi kerja penstabilan cerun di peringkat pihak berkuasa tempatan, melibatkan pembangunan model sehingga peringkat as-built (LOD 500) serta integrasi elemen masa (4D) dan kos (5D). Sesi ini melibatkan penyertaan pelbagai agensi termasuk kementerian, Jabatan Kerja Raya (JKR), pihak berkuasa tempatan, perunding dan pemain industri bagi berkongsi pengetahuan mengenai pelaksanaan serta manfaat BIM dalam meningkatkan ketepatan perancangan, kawalan kos, pengurusan risiko dan keselamatan projek. Para peserta turut dibawa melawat tapak bagi melihat pelaksanaan kaedah penstabilan cerun, termasuk sistem saliran dan struktur sokongan. Penggunaan teknologi BIM ini diharap dapat meningkatkan kecekapan penyampaian projek serta menyediakan rekod digital yang telus dan sistematik bagi tujuan audit, penyelenggaraan dan pengurusan aset jangka panjang.



Program SEMARAK RAMADAN 2026





27 FEBRUARI 2026 ● KUALA KUBU BHARU

Majlis Perbandaran Hulu Selangor berbesar hati dipilih sebagai salah satu lokasi pelaksanaan Program Semarak Ramadan 2026 anjuran Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor (PAID Hulu Selangor) yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Chiling, MPHS. Program dimulakan dengan bacaan Surah Yasin, diikuti tazkirah yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Naufal bin Abdull Ghaffar, Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Pendidikan Islam, PAID Hulu Selangor. Turut hadir ialah Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Khidmat Pengurusan, pengarah-pengarah jabatan, ketua bahagian, ketua unit serta kakitangan MPHS.









PROGRAM
SINGGAH BAZAR DAN AGIHAN BUBUR LAMBUK

26 FEBRUARI 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, telah menyertai Program Singgah Bazar dan Agihan Bubur Lambuk di Bazar Ramadan Sungai Tengi yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Sebanyak 1,000 bekas bubur lambuk telah diagihkan kepada peniaga dan pengunjung bazar, selain pemberian kupon bernilai RM10 daripada Platform Selangor (PLATS) kepada pengunjung untuk pembelian di gerai terpilih. Turut hadir ialah EXCO Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna, YB Datuk Rizam bin Ismail; Ahli Majlis MPHS, Azrul bin Aziz; Setiausaha MPHS, Puan Dewi Dirwana binti Munasir; Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan, Kamaruzzaman bin Abdul Rahman; serta Pengarah Jabatan Penguatkuasaan, Muhammad Azrul Nizam bin Mohd Azizi.









Majlis
Akrab Mahabbah Insani Ramadhan

27 FEBRUARI 2026 ● SHAH ALAM

YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), telah menghadiri Majlis Akrab Mahabbah Insani Ramadan yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam. Majlis yang diadakan bersempena bulan Ramadan ini bertujuan mengeratkan ukhuwah dan silaturahim dalam kalangan penjawat awam Negeri Selangor bersama pentadbiran Kerajaan Negeri. Dalam majlis tersebut, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari turut menyampaikan amanat agar penjawat awam terus meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Majlis turut diserikan dengan tazkirah Ramadan dan acara berbuka puasa, serta dihadiri oleh YBrs. Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha MPHS, bersama barisan Pengarah Jabatan MPHS.











PROGRAM
ZIARAH RAMADAN 2026



28 FEBRUARI 2026 ● HULU SELANGOR. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah melaksanakan Program Ziarah Ramadan 2026 dengan kerjasama 25 orang Ahli Majlis yang menyampaikan sumbangan kepada 25 orang penerima bagi setiap zon kawasan seliaan masing-masing. Program ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen MPHS dalam menjaga kebajikan masyarakat, khususnya golongan yang memerlukan sepanjang bulan Ramadan. Turut hadir ialah YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS; Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha MPHS; serta Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPHS. MPHS turut merakamkan penghargaan kepada rakan strategik, Segi Value Holdings Sdn. Bhd., atas sokongan dan sumbangan barangan keperluan kepada para penerima. Semoga inisiatif ini terus menyemai semangat kebersamaan, memperkukuh ukhuwah dan menyemarakkan amalan kebajikan dalam kalangan masyarakat Hulu Selangor.















PENINJAUAN KAWASAN BAGI PROJEK MURAL



28 FEBRUARI 2026 ● HULU YAM BHARU. Selepas program Ziarah Ramadan, satu lawatan tinjauan telah diadakan oleh Puan Julaihah, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), bersama pihak pengurusan ke sekitar Pekan Hulu Yam Bharu bagi meninjau kesesuaian pelaksanaan projek mural yang telah dirancang sejak lebih setahun lalu. Dua lokasi strategik telah dikenal pasti sebagai tapak cadangan bagi menceriakan kawasan pekan, memperindah persekitaran serta mewujudkan tarikan kepada penduduk dan pengunjung. Projek ini diharapkan dapat direalisasikan pada tahun ini demi manfaat komuniti setempat. Turut hadir ialah Puan Dewi Dirwana, Setiausaha MPHS, Encik Shah Ikram, Pengurus Besar Pejabat Penyelaras DUN Batang Kali dan Encik Ong Kok Tian, Ketua Kampung Gurney.







LAWATAN BERSAMA AHLI MAJLIS KAWASAN DAN YDP
ATAS ADUAN YANG DITERIMA DARIPADA ORANG AWAM

28 FEBRUARI 2026 ● HULU YAM BHARU. Satu lawatan tinjauan telah dijalankan bagi meneliti isu pengurusan sampah susulan aduan yang diterima. Kutipan sampah di Pekan Hulu Yam dilaksanakan secara *door-to-door*, manakala tong sampah berpusat disediakan di kawasan yang tidak dapat diakses lori. Lawatan turut meninjau isu pembuangan sampah haram di laluan ke Genting serta pengurusan tong sampah berpusat di Kampung Genting Malek, yang kekerapan kutipannya telah ditingkatkan daripada **tiga kepada tujuh kali seminggu** bagi memastikan kebersihan kawasan sentiasa terpelihara.

















Majlis APRESIASI LESTARI HULU SELANGOR

3 MAC 2026 ● BUKIT SENTOSA. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menganjurkan Majlis Apresiasi Lestari Hulu Selangor 2026 di Setia Templer's Ballroom @ Setia Eco Templer, Rawang sebagai tanda penghargaan kepada komuniti, agensi kerajaan, institusi pendidikan, NGO serta rakan strategik yang komited dalam menjayakan agenda pembangunan mampan di daerah Hulu Selangor. Majlis yang menghimpunkan seramai 147 peserta itu telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MPHS, Puan Julaihah binti Jamaludin dan turut dihadiri oleh Y.A.D Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Dato' Orang Besar Daerah Hulu Selangor bersama barisan pengurusan tertinggi MPHS, Ahli Majlis serta wakil agensi dan sektor swasta. Majlis turut diserikan dengan pembentangan khas daripada Gas Malaysia Berhad, Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Selangor dan PEMADAM Kebangsaan berkaitan amalan terbaik kelestarian bandar, selain pameran projek komuniti berimpak tinggi menerusi penyertaan Anugerah SK1IL 2025. Antara penghargaan dan anugerah yang disampaikan termasuk Penghargaan IPMC, Penghargaan Program Bandar Rendah Karbon 2025, Anugerah Satu Komuniti 1 Inisiatif Lestari (SK1IL) 2025, Pertandingan Tandas Bersih, Menawan dan Wangi serta Pertandingan Premis Makanan Bersih. Dalam ucapannya, Yang Dipertua MPHS menegaskan bahawa kejayaan agenda kelestarian memerlukan komitmen berterusan dan kerjasama semua pihak demi memastikan Hulu Selangor terus berkembang sebagai daerah mampan dan sejahtera.







Program
Bazar Ramadhan Mampan



5 MAC 2026 • BUKIT SENTOSA. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah melancarkan **Program Bazar Ramadan Mampan 2026 dan Kempen Bebas Plastik #TakNakBazi**r di Tapak Bazar Ramadan Jalan Orkid, Bukit Sentosa. Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Yang Dipertua MPHS, Puan Julaihah binti Jamaludin menerusi gimik penandatanganan sebagai simbolik sokongan terhadap pelaksanaan bazar Ramadan yang lebih mampan, tersusun dan mesra alam. Program ini merupakan hasil kerjasama strategik antara MPHS, MBI Selangor dan Agrobank menerusi inisiatif Program Bazar Ramadan Cashless yang memperkenalkan penggunaan khemah seragam Agrobank melibatkan sebanyak 150 petak peniaga bagi mewujudkan suasana bazar yang lebih kemas, selesa dan kondusif kepada pengunjung. Selain menggalakkan penggunaan transaksi tanpa tunai, program ini turut menyokong usaha pemerkasaan amalan kelestarian melalui Kempen Bebas Beg Plastik #TakNakBazir dalam kalangan peniaga dan pengunjung. Turut hadir memeriahkan program ialah wakil pejabat Ahli Parlimen Hulu Selangor dan DUN Batang Kali, pihak MBI Selangor, Agrobank serta barisan pengurusan MPHS. Sebagai penghargaan kepada pengunjung, seramai **300 pengunjung terawal turut menerima kupon digital bernilai RM10** tajaan PLATS selain menikmati edaran bubur lambuk yang disediakan sepanjang program berlangsung.





Majlis
Khatam Al Quran



8 MAC 2026 • **KUALA KUBU BHARU.** Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (KSDK) telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran 1447H/2026 yang dimulakan dengan bacaan 22 surah am yang dipimpin oleh Encik Ahmad Amiruddin Solehin bin Mohamad bersama para peserta tadarus yang terdiri daripada ahli-ahli KSDK, melibatkan seramai 58 orang ahli yang dibahagikan kepada 10 kumpulan sebagai sebahagian daripada pengisian rohani sepanjang bulan Ramadan bagi mengimarahkan suasana kerja dengan amalan membaca serta menghayati Al-Quran. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Pengarah Perbendaharaan merangkap Penolong Setiausaha Majlis MPHS, Encik Shaiful Rizza bin Haji Piamin serta Yang Dipertua KSDK MPHS, Encik Khairul Anuar bin Khalid. Sebagai tanda penghargaan kepada para peserta yang telah menjayakan program tadarus ini, majlis turut diakhiri dengan penyerahan cenderahati kepada peserta yang terlibat, dan penganjuran program seumpama ini diharap dapat terus memperkukuh ukhuwah dalam kalangan warga MPHS serta menyemarakkan lagi penghayatan nilai-nilai murni dan kerohanian sepanjang bulan Ramadan.











MAJLIS SUMBANGAN AIDILFITRI
KEPADA ANAK YATIM





8 MAC 2026 ● HULU SELANGOR. Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, berkenan berangkat ke Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya kepada anak-anak yatim Daerah Hulu Selangor anjuran Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) yang berlangsung di Masjid Kampung Melayu Rasa. Bagi daerah ini, seramai 687 orang anak yatim telah menerima sumbangan dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak **RM103,050**, iaitu melibatkan **545 orang** yang hadir ke majlis bagi menerima sumbangan Hari Raya Aidilfitri berjumlah RM81,750, manakala 142 orang lagi yang tidak dapat hadir telah menerima sumbangan melalui pengkreditan terus ke akaun masing-masing dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM21,300. Program ini bukan sahaja bertujuan memberikan bantuan kewangan sempena Hari Raya Aidilfitri, malah turut menjadi platform untuk memberi penghargaan serta motivasi kepada anak-anak yatim agar terus bersemangat menempuh kehidupan dan berusaha mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang. Turut hadir mewakili Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) ialah Yang Dipertua, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin bersama Encik Mohamad Ramdan bin Ibrahim, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat.









PROGRAM
MINI KARNIVAL KOMUNITI AIDILFITRI REWANG KOMUNITI

8 MAC 2026 ● HULU YAM. Bahagian Kelestarian dan Kesejahteraan Komuniti (KesKom), JPSPPA, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah berjaya mengumpul sebanyak **550 kilogram minyak masak terpakai** serta **61.05 kilogram (50 unit) sisa elektronik** sempena Program Mini Karnival Komuniti Aidilfitri Rewang Komuniti yang berlangsung di Taman Desa Kaloi, Hulu Yam. Program ini turut diserikan dengan kehadiran Tuan Saifuddin bin Shafi Muhammad, Penyelaras DUN Batang Kali, Puan Wong Sheau Mei, Ahli Majlis Zon 14, serta Encik Muhammad Firdaous bin Ismail, Pengerusi JPKK Kampung Sungai Kamin, yang mencerminkan sokongan padu kepimpinan setempat terhadap penganjuran program kemasyarakatan serta keprihatinan terhadap kesejahteraan persekitaran komuniti. Inisiatif ini bukan sahaja membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar, malah menyokong pelaksanaan Dasar Ekonomi Kitaran Negara serta memperkukuh komitmen MPHS terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) khususnya SDG 11 (Bandar dan Komuniti Lestari), SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab) dan SDG 13 (Tindakan terhadap Perubahan Iklim), di samping membuktikan peningkatan kesedaran masyarakat di Hulu Selangor terhadap amalan kitar semula yang seterusnya memperkasa budaya tanggungjawab bersama dalam menjaga kelestarian alam sekitar.

"Wanita Hebat – Bangkit Dengan Harapan, Melangkah Dengan Keyakinan"

MAJLIS
SAMBUTAN HARI WANITA 2026
PERINGKAT MPHS













9 MAC 2025 ● KUALA KUBU BHARU. Majlis anjuran bersama Kelab Sukan dan Kebajikan serta ANULAE Cawangan MPHS telah berlangsung dengan penuh meriah dan bermakna di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu, yang menghimpunkan hampir keseluruhan warga kerja wanita MPHS bersama tetamu jemputan dalam suasana penuh inspirasi sebagai tanda penghargaan terhadap peranan dan sumbangan golongan wanita. Majlis diserikan dengan ucapan perasmian oleh Yang Berbahagia Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, yang menekankan kepentingan wanita sebagai tonggak kekuatan organisasi serta mengiktiraf sumbangan besar mereka dalam pembangunan masyarakat dan negara. Sebagai tanda penghargaan, majlis turut menyaksikan penyampaian cenderamata kepada Puan Saripah binti Bakar, Ahli Majlis MPHS serta Ketua-ketua Jabatan MPHS, sebelum diteruskan dengan sesi perkongsian ilmu bertajuk **"Wanita Hebat – Bangkit Dengan Harapan, Melangkah Dengan Keyakinan"** yang disampaikan oleh penceramah jemputan, Dr. Afifah Hidayah Ahmad Tawfek atau lebih dikenali sebagai DrFie, yang telah memberikan suntikan motivasi kepada para peserta untuk terus membina keyakinan diri, mengembangkan potensi serta berani menghadapi cabaran dalam kehidupan dan kerjaya.







11 MAC 2026 • KUALA KUBU BHARU. Sekitar Program *World #QuranHour* 2026 yang menghimpunkan warga kerja MPHS dalam menghayati al-Quran, selaras dengan usaha menyemarakkan nilai-nilai murni ke arah merealisasikan slogan **Dunia Berbudi & Penyayang**. Turut hadir ialah Setiausaha MPHS, Puan Dewi Dirwana Munasir, Y.A.D. Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa serta barisan Pengarah dan warga kerja MPHS.















12 MAC 2026 •
KUALA KUBU BHARU

Sesi Semakan dan Pengesahan Dokumen bagi Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) tahun 2026 telah diadakan bertujuan memastikan semua dokumen pembuktian yang diperlukan bagi penilaian tersebut disemak dengan teliti serta disahkan sebelum dimuat naik ke dalam sistem, dan sesi ini telah dipengerusikan oleh Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir ialah Pengarah-Pengarah Jabatan, Ketua-Ketua Bahagian MPHS serta penyelaras SPB-PBT yang terlibat secara langsung dalam proses penyediaan dan pengumpulan dokumen. Pelaksanaan audit SPB-PBT bagi tahun 2026 yang akan dijalankan sepenuhnya secara atas talian menjadikan sesi ini sebagai platform penting bagi memastikan semua dokumen pembuktian adalah lengkap, teratur serta mematuhi keperluan yang telah ditetapkan sebelum proses muat naik ke dalam sistem dilaksanakan. Melalui semakan yang teliti serta kerjasama erat daripada semua jabatan dan bahagian yang terlibat, diharapkan proses penilaian SPB-PBT tahun 2026 dapat berjalan dengan lancar seterusnya memperkukuhkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan MPHS kepada masyarakat.









13 MAC 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Berbuka Puasa Iftar Ramadan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) tahun 2026 telah diadakan di Masjid Jamek Ar-Rahimah, Kuala Kubu Bharu dengan penuh harmoni dan semangat kekeluargaan bersempena bulan Ramadan Al-Mubarak 1447H sebagai platform memperkukuhkan hubungan silaturahim antara warga MPHS dan kariah setempat. Majlis dimulakan dengan tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Muhammad Adam bin Ab Rashid, Pegawai Hal Ehwal Islam merangkap Pengurus Masjid Ar-Rahimah Kuala Kubu Bharu, sebelum diteruskan dengan acara berbuka puasa bersama pelbagai juadah yang telah disediakan, diikuti dengan pelaksanaan solat Maghrib, Isyak dan Terawih secara berjemaah. Majlis ini telah dihadiri oleh Yang Berbahagia Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, bersama YAD Engku Orang Kaya Mahabijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa selaku Orang Besar Daerah Hulu Selangor, serta Ketua Whip, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian dan Unit serta warga kerja MPHS yang turut memeriahkan program tersebut.







Program Memasak
BUBUR LAMBUK DAN KARI KAMBING

13 MAC 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Program Memasak Bubur Lambuk dan Kari Kambing anjuran bersama Kelab Sukan dan Kebajikan MPHS (KSDK) dan ANULAE Cawangan MPHS telah berlangsung dengan meriah di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu. Seramai 100 ahli KSDK MPHS bergotong-royong menyediakan juadah bubur lambuk dan kari kambing dalam suasana penuh semangat kebersamaan dan kekeluargaan. Turut hadir memeriahkan program ialah Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha MPHS, Encik Khairul Anuar bin Khalid, Yang Dipertua KSDK MPHS serta Puan Law Suet Peng, Ahli Majlis MPHS. Penglibatan aktif ANULAE Cawangan MPHS dalam penyediaan juadah turut menyerikan lagi program yang bukan sahaja mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga MPHS, malah menyemarakkan semangat gotong-royong dan kebersamaan dalam mengimarahkan bulan Ramadan.













LAWATAN TAPAK
JALAN KELUAR MASUK JALAN BAKAWALI

14 MAC 2026 ● BUKIT SENTOSA. Satu lawatan tapak telah diadakan oleh Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) bagi meneliti isu jalan keluar masuk di Sekolah Rendah Agama Bukit Sentosa Fasa 3, Jalan Bakawali 2A, Bandar Bukit Sentosa. Lawatan ini bertujuan meninjau keadaan sebenar di lokasi serta menilai kesesuaian laluan keluar masuk baharu bagi memastikan aspek keselamatan dan kelancaran pergerakan kenderaan di kawasan sekolah sentiasa terjamin. Lawatan tersebut turut dihadiri oleh Yang Berusaha Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, bersama Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha MPHS, TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPHS serta pegawai-pegawai teknikal MPHS bagi mendapatkan pandangan dan cadangan penambahbaikan terhadap isu aduan yang dibangkitkan.



PEMERIKSAAN KILANG KITAR SEMULA

14 MAC 2026 ● BUKIT BERUNTUNG











Satu pemeriksaan dan pemantauan telah dilaksanakan di sebuah kilang memproses plastik kitar semula yang terletak di Jalan Kenanga, Bukit Beruntung oleh Yang Berusaha Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) bersama jabatan-jabatan teknikal MPHS. Pemeriksaan ini dijalankan bagi memastikan premis perniagaan mematuhi syarat lesen, peraturan kebersihan serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Turut serta dalam sesi pemantauan ini ialah pegawai daripada Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Jabatan Penguatkuasaan serta jabatan-jabatan berkaitan termasuk Ahli Majlis kawasan tersebut, bagi meneliti aspek pengurusan sisa, tahap kebersihan kawasan premis serta pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan, di samping memastikan persekitaran premis kekal bersih, selamat dan teratur demi kesejahteraan komuniti setempat.



Mesyuarat Agung Tahunan
KALI KE-40
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPHS



17 MAC 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40 Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (KSDK MPHS) telah berlangsung dengan jayanya dalam suasana teratur dan harmoni. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik Shaiful Rizza bin Haji Piamin serta turut dihadiri oleh Yang Dipertua KSDK MPHS, Encik Khairul Anuar bin Khalid dan Timbalan Yang Dipertua KSDK MPHS, Encik Mohd Farid bin Fadzil. Mesyuarat turut menyaksikan pelantikan Ahli Jawatankuasa KSDK baharu bagi sesi 2026–2028 selepas proses pilihan raya yang dijalankan secara dalam talian pada sesi pagi. Selain itu, program turut dimeriahkan dengan sesi cabutan bertuah sebagai tanda penghargaan kepada ahli KSDK atas sokongan dan penglibatan mereka dalam aktiviti kelab. Pihak KSDK berharap mesyuarat ini terus menjadi platform dalam memperkukuh silaturahim, kebajikan serta semangat kerjasama dalam kalangan warga kerja MPHS demi memastikan kelestarian dan kecemerlangan kelab pada masa hadapan.MPHS)











KEMPEN KESELAMATAN JALANRAYA



18 MAC 2026 ● KUALA KUBU BHARU





Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah bekerjasama dalam pelaksanaan Kempen Keselamatan Jalan Raya Sempena Hari Raya Aidilfitri Peringkat Daerah Hulu Selangor Tahun 2026, anjuran Jawatankuasa Majlis Keselamatan Jalan Raya Daerah Hulu Selangor di bawah kendalian Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor. Program yang berlangsung di Stesen Minyak Petronas, Kuala Kubu Bharu ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Muhamad Shaharudin bin Osmin, Ketua Penolong Pegawai Daerah Hulu Selangor. Turut hadir memeriahkan program ialah YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, YAD Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, YBrs. Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha MPHS serta YBrs. TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPHS bersama Ahli Majlis serta pengarah dan wakil jabatan MPHS. Antara pengisian program termasuk sesi pelepasan *(flag off)* kenderaan jabatan dan agensi serta penyerahan cenderahati kepada pengguna jalan raya sebagai sokongan kepada amalan pemanduan berhemah, diharap dapat meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya serta mengurangkan risiko kemalangan khususnya menjelang musim perayaan Aidilfitri.







Majlis
Perhimpunan Bulanan



18 MAC 2026 ● KUALA KUBU BHARU

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menganjurkan Majlis Perhimpunan Bulanan bagi Mac 2026 yang berlangsung meriah di Dewan Merdeka bersempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Majlis ini telah dihoskan oleh Jabatan Kejuruteraan bersama Bahagian Pusat Setempat (OSC) dan disempurnakan oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Setiausaha MPHS, Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Pengarah Jabatan Kejuruteraan selaku hos, Ahli-Ahli Majlis serta barisan pengarah dan ketua jabatan. Dalam ucapan beliau, YBrs. Puan Julaihah memaklumkan pemberian **Insentif Khas Aidilfitri (IKSA) 2026** sebanyak sebulan gaji oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada penjawat awam sebagai tanda penghargaan. Majlis turut menyaksikan **penyampaian Sijil Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025** ***(Low Carbon Cities 2030 Challenge)*** mengikut **kategori Rakan Kongsi** dan **Zon Bandar Rendah Karbon**, serta penganugerahan ***Geoinnovation Malaysia Award 2025*** kepada wakil MPHS. Selain itu, turut diserahkan peranti iPad kepada jabatan terlibat dan sumbangan Ziarah Ramadan 2026 berupa baucar RM120 kepada warga kerja yang layak dengan kerjasama pihak Fresh. Majlis turut diserikan dengan penyerahan kuih raya kepada Ahli Majlis dan barisan pengurusan, di samping sesi tazkirah bertajuk **"Amalan di Ambang Syawal: Sunnah vs Tradisi"** oleh Ustaz Haji Zulhazwan bin Ismail.













Program Sumbangan Ikhlas

MPHS BERSAMA KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI

19 MAC 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan MPHS telah menganjurkan Program Sumbangan Ikhlas sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Program ini bertujuan menyantuni golongan yang memerlukan serta menyemarakkan semangat kebersamaan dan keprihatinan dalam kalangan warga MPHS. Program ini telah diketuai oleh Yang Dipertua MPHS, Puan Julaihah binti Jamaluddin bersama Ahli Majlis kawasan iaitu Puan Saripah binti Bakar, Puan Law Suet Peng dan Encik Abdul Mun'im bin Roslin. Turut hadir ialah wakil Kelab Sukan dan Kebajikan MPHS serta pegawai daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Penilaian dan Jabatan Bangunan MPHS.Dalam program ini, rombongan MPHS telah mengadakan lawatan ke **Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu** yang menempatkan kira-kira **100 orang** penghuni warga emas, serta **Rumah Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu** yang menempatkan **184 orang** penghuni OKU fizikal dan mental. Di kedua-dua lokasi tersebut, sumbangan ikhlas telah disampaikan dalam bentuk barangan keperluan harian seperti makanan, susu, keperluan perubatan dan barangan asas bagi meringankan beban pengurusan pusat berkenaan. Selain itu, MPHS turut mengambil kesempatan meninjau beberapa kawasan sekitar yang dikenal pasti memerlukan penambahbaikan infrastruktur bagi memastikan kemudahan awam berada dalam keadaan baik dan selamat. Program ini mencerminkan komitmen berterusan MPHS dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) serta memperkukuhkan hubungan dengan komuniti, khususnya dalam menyemarakkan kegembiraan menjelang Hari Raya Aidilfitri.









LAWATAN KE KILANG SELASIH AMAN

MPHS PERKASA PENGUATKUASAAN TEKNIKAL PUSAT TERNAKAN AYAM

27 MAC 2026 • KALUMPANG. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah melaksanakan pemeriksaan teknikal di sebuah pusat ternakan ayam bagi memastikan pematuhan terhadap syarat lesen, tahap kebersihan premis serta garis panduan yang ditetapkan. Pemeriksaan tersebut diketuai oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin bersama Setiausaha MPHS, Puan Dewi Dirwana binti Munasir serta jabatan teknikal MPHS dengan kerjasama beberapa agensi luar iaitu Jabatan Alam Sekitar (JAS), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Bomba. Fokus pemeriksaan meliputi aspek pengurusan sisa, kawalan pencemaran, kebersihan serta pematuhan teknikal premis. MPHS akan terus melaksanakan pemantauan secara berkala dan tidak akan berkompromi terhadap sebarang ketidakpatuhan demi memastikan kesejahteraan komuniti serta kelestarian alam sekitar terus terpelihara.

Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri













31 MAC 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah mengadakan Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2026 bertempat di Perkarangan Kediaman Rasmi Yang Dipertua MPHS, Kuala Kubu Bharu. Majlis berlangsung dalam suasana meriah dan penuh kemesraan, sekali gus menjadi platform untuk mengeratkan silaturahim serta memupuk semangat perpaduan dan kebersamaan dalam kalangan warga kerja dan tetamu yang hadir. Penganjuran majlis ini turut menyemarakkan semangat Syawal melalui perkongsian kegembiraan serta memperkukuh hubungan erat dalam kalangan warga MPHS.









KUNJUNGAN HORMAT SaBDA

PERSEDIAAN INDEKS AKAUNTABILITI 2025



1 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima kunjungan daripada pihak Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) bagi pembentangan inisiatif Anjung Utara Selangor Biosphere Reserve (AUSBR). Pembentangan tersebut turut melibatkan Puan Zannifa Azura binti Ahmad, Ketua Zon Pembangunan Ekonomi SABDA (Kawasan Pembangunan Pertanian Sabak Bernam), serta disambut oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, dan turut dihadiri oleh Encik Shaiful Rizza bin Hj Piamin, Pengarah Jabatan Perbendaharaan merangkap Penolong Setiausaha MPHS. Sesi ini bertujuan memberikan penerangan mengenai cadangan pelaksanaan, skop kawasan dan hala tuju AUSBR ke arah mendapatkan pengiktirafan UNESCO, di samping memperkukuh usaha pemuliharaan biodiversiti, perlindungan kawasan sensitif alam sekitar serta pembangunan sosioekonomi yang mampan di daerah Hulu Selangor dan kawasan sekitarnya. Inisiatif ini diharap dapat mengimbangi pemeliharaan khazanah alam semula jadi dengan pembangunan ekonomi setempat, termasuk potensi pertanian dan ekopelancongan, melalui perancangan yang teratur dan lestari.











JELAJAH TAAT SETIA MADANI

PERINGKAT NEGERI SELANGOR













3 APRIL 2026 • SHAH ALAM

Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri telah menganjurkan Program Jelajah Taat Setia MADANI Peringkat Negeri Selangor bertempat di Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam. Program ini bertujuan menghimpunkan warga perkhidmatan awam negeri sebagai manifestasi komitmen dalam memperkukuh penghayatan nilai, semangat kenegaraan dan jati diri penjawat awam berteraskan aspirasi Malaysia MADANI. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor yang turut meluncurkan Gelombang Aku Kasih Malaysia, serta dihadiri YBhg. Tan Sri Dato' Seri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor. Dalam program tersebut, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS turut berkesempatan melawat reruai pameran dan memperkenalkan Inisiatif *High Speed* MPHS kepada barisan tetamu kehormat. Sebagai tanda sokongan terhadap program, seramai 50 warga MPHS yang terdiri daripada Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan turut hadir memeriahkan majlis. Penyertaan ini diharapkan dapat terus menyemarakkan semangat taat setia, memperkukuh jati diri warga perkhidmatan awam serta meningkatkan komitmen dalam memberikan perkhidmatan terbaik demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran Negeri Selangor.





JELAJAH KOMUNITI STRATA 1.0
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR 2026



4 APRIL 2026 • BUKIT SENTOSA. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) melalui Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) dengan kerjasama Badan Pengurusan Bersama (JMB) Pangsapuri Sri Bakawali telah menganjurkan Program Jelajah Komuniti Strata 1.0 MPHS 2026 bertempat di Pangsapuri Sri Bakawali, Bukit Sentosa. Program ini turut mendapat kerjasama Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga Progresif Sri Bakawali serta JMB/MC dalam kawasan pentadbiran MPHS. Penganjuran program berteraskan penerapan SDG 4: Pendidikan Berkualiti, SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan serta SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh, selaras dengan Pelan Strategik MPHS 2024–2028. Program dimulakan dengan sesi perkongsian amalan terbaik JMB/MC daripada empat wakil JMB/MC, diikuti taklimat Bahagian Pesuruhjaya Bangunan dan PERKESO. Program turut diserikan dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri serta pameran perkhidmatan daripada jabatan dalaman MPHS dan pelbagai agensi seperti AADK, PERKESO, Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor, Jabatan Bomba dan Penyelamat, BSN, Maybank serta Jabatan Pertanian Daerah Hulu Selangor. Turut terlibat beberapa JMB/MC sekitar Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa. Majlis yang dihadiri YBrs. Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha merangkap Timbalan Pesuruhjaya Bangunan 1, Ahli-ahli Majlis serta Pengarah Jabatan dan Ketua Bahagian/Unit MPHS ini telah menghimpunkan seramai 500 orang penduduk dan wakil JMB/MC. Penganjuran program ini diharapkan dapat memperkukuh hubungan antara MPHS dengan komuniti strata serta menjadi platform penyampaian maklumat dan perkhidmatan secara lebih berkesan kepada masyarakat, dan akan diteruskan pada masa akan datang.











MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN



9 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU. Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) bagi Draf Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2035 (Pengubahan 2) telah diadakan selaras dengan Seksyen 14(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], susulan Program Publisiti dan Penyertaan Awam yang berlangsung dari 3 Februari hingga 6 Mac 2026 dengan penerimaan sebanyak 21 borang maklum balas daripada 21 pihak berkepentingan. Mesyuarat dipengerusikan oleh YB Dato' Ng Suee Lim dan turut dihadiri YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, Puan Setiausaha MPHS, wakil agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta Ahli Majlis Zon 6, 14, 16, 20 dan 22 bagi meneliti serta mempertimbangkan bantahan yang dikemukakan.











TAKLIMAT SISTEM MyANULAE
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-11 ANULAE MPHS

9 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU. Bersempena Sambutan Ulang Tahun ke-11, ANULAE Cawangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menganjurkan Taklimat Sistem MyANULAE bertempat di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu yang dihadiri seramai 180 orang ahli. Taklimat ini bertujuan memperkenalkan penggunaan platform MyANULAE dalam memodenkan pengurusan data dan rekod keahlian secara digital, di samping memudahkan urusan komunikasi serta capaian kemudahan perkhidmatan persatuan. Program ini turut memberi pendedahan dan kefahaman kepada ahli mengenai fungsi serta manfaat Sistem MyANULAE dalam menyokong pengurusan persatuan yang lebih sistematik, cekap dan berkesan.











Majlis Bacaan Yasin

WARGA KERJA MPHS TAHUN 2026



10 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Bacaan Yasin Bulanan Warga Kerja MPHS Tahun 2026 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Chiling MPHS dengan bacaan Yasin diketuai oleh Encik Ahmad Amiruddin Solehin bin Mohammad dari Jabatan Kejuruteraan serta dihadiri oleh warga kerja MPHS. Turut hadir YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, bersama Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha MPHS, Tuan Shaiful Rizza bin Hj. Piamin, Pengarah Perbendaharaan merangkap Penolong Setiausaha, Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Khidmat Pengurusan serta Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian dan Ketua Unit MPHS. Program berbentuk kerohanian ini diadakan sebagai wadah untuk memupuk nilai keagamaan serta mengeratkan hubungan dalam kalangan warga kerja, di samping memohon agar segala urusan dan tugasan harian dipermudahkan. Yang Dipertua MPHS turut menyeru seluruh warga kerja agar sentiasa mensyukuri nikmat keamanan dan keharmonian yang dikecapi di negara ini.



PLAY DAY


WORLD LANDSCAPE ARCHITECTURE MONTH 2026



11 APRIL 2026 • BUKIT SENTOSA. Sempena sambutan Bulan Senibina Landskap Dunia 2026, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menganjurkan program santai ***'PLAY DAY'*** di Taman Awam Jenjarum yang menghimpunkan lebih **500 orang** dalam suasana ceria, aktif dan penuh kemesraan. Pelbagai aktiviti seperti Liga Bolasepak anjuran *Black Eagle*, senamrobik dan sukaneka telah diadakan bagi menggalakkan gaya hidup sihat serta mengeratkan hubungan komuniti. Program turut diserikan dengan kehadiran YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS yang menyempurnakan simbolik perasmian melalui sepakan penalti, serta barisan pengarah, wakil jabatan, Ahli Majlis dan persatuan penduduk. Turut memeriahkan program ialah aktiviti rewang sempena Hari Raya hasil kerjasama JMB dan KRT Apartment Seri Seroja yang menyediakan pelbagai juadah tradisional kepada pengunjung. Program ini bukan sahaja menjadi wadah rekreasi dan kesihatan, malah berjaya memperkukuh semangat kebersamaan komuniti serta menggalakkan pemanfaatan ruang landskap awam sebagai tempat interaksi sosial.

SEMARAK INOVASI SEKTOR AWAM TAHUN 2026

14 APRIL 2026 • SHAH ALAM. Program Semarak Inovasi Sektor Awam 2026 telah dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, dengan mengangkat tema **"Inovasi MADANI Pemacu Reformasi"** sebagai usaha memperkasa budaya inovasi sektor awam selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Turut hadir YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abd Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBrs. Puan Julaihah Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, Puan Junainah Abdullah, Ketua Bahagian Korporat serta penyelaras inovasi jabatan MPHS. Program yang menampilkan sesi perkongsian, pembentangan dan forum berkaitan inovasi serta pemeteraian kerjasama strategik antara agensi ini turut memperlihatkan komitmen MPHS dalam membudayakan inovasi bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan yang lebih dinamik, responsif dan berimpak kepada masyarakat.









BENGKEL PEMANTAPAN PELAKSANAAN ISO



16 APRIL 2026 • DAMANSARA. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Pelaksanaan MS ISO 9001:2015 dengan kerjasama SIRIM Academy bagi memperkukuh sistem pengurusan kualiti organisasi. Bengkel yang disertai oleh Penyelaras MS ISO MPHS, Ketua Dokumentasi, Pengurus Risiko, Wakil Juruaudit serta Penolong Ketua Dokumentasi ini turut melibatkan sesi khidmat rundingan dan perkongsian ilmu oleh Puan Nor Faridah Ab Aziz. Antara fokus utama bengkel adalah penyediaan dan semakan laporan pencapaian Objektif Kualiti, penilaian Pengurusan Risiko serta semakan dan pengemaskinian prosedur/ SOP kerja selaras dengan keperluan piawaian. Pelaksanaan bengkel ini diharap dapat memastikan dokumentasi dan pelaporan sentiasa teratur, terkini dan mematuhi piawaian MS ISO 9001:2015, sekali gus memperkukuh tadbir urus serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan MPHS.



LAWATAN TAPAK BAGI PERSEDIAAN SUKAN SUKMA





17 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah mengadakan lawatan tapak ke Stadium MPHS bagi meninjau persediaan menjelang penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor 2026, khususnya bagi acara bola sepak wanita. Lawatan ini diketuai oleh Pengarah Jabatan Landskap MPHS, Encik Mohd Fadhil bin Mohd Lani, dan turut dihadiri oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin; Setiausaha MPHS, Puan Dewi Dirwana binti Munasir; Pengarah Jabatan Perancang Bandar, Puan Azlina binti Mokhtar; Pengarah Bahagian Korporat, Puan Junainah binti Abdullah; Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin; serta wakil-wakil pengarah jabatan MPHS. Lawatan ini bertujuan meninjau keadaan kemudahan stadium dan mengenal pasti keperluan penambahbaikan bagi memastikan venue berada dalam keadaan baik, selamat dan kondusif untuk kegunaan atlet serta pegawai sepanjang kejohanan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen MPHS dalam menyokong kelancaran penganjuran SUKMA Selangor 2026.





KURSUS APLIKASI PSIKOLOGI



21 APRIL 2026 • KUALA LUMPUR. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah melaksanakan Kursus Aplikasi Psikologi Dalam Perkhidmatan Pelanggan di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur, melibatkan 22 peserta daripada pelbagai jabatan, bahagian dan unit. Program yang dipacu oleh Ketua Bahagian Korporat, Puan Junainah binti Abdullah ini dikendalikan oleh fasilitator daripada Global Genius Consultant Sdn. Bhd., Tuan Mohd Solhi bin Haji Mohd Sharif, dengan pengisian berkaitan psikologi kerja, pengurusan emosi, tingkah laku manusia serta komunikasi dalam meningkatkan prestasi perkhidmatan. Pendekatan interaktif melalui ceramah, perbincangan dan aktiviti praktikal turut membantu peserta mengaplikasikan ilmu dalam situasi kerja sebenar, sekali gus memperkukuh kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.







CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN 2026

23 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah melaksanakan Cabutan Bertuah Cukai Taksiran MPHS 2026 Siri 1 yang disiarkan secara langsung menerusi laman Facebook rasmi MPHS. Inisiatif ini merupakan tanda penghargaan kepada pembayar cukai taksiran yang sentiasa memberikan komitmen dalam menjelaskan bayaran cukai taksiran. Majlis turut dihadiri oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Setiausaha MPHS, Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Ahli-Ahli Majlis serta Pengarah Kewangan MPHS. Seramai 22 pembayar cukai bertuah telah menerima pelbagai hadiah menarik termasuk barangan elektrik, telefon pintar, tablet, emas dan Smart TV. MPHS merakamkan penghargaan kepada semua pembayar cukai serta menggalakkan orang ramai menjelaskan cukai taksiran dan memenuhi syarat penyertaan bagi merebut peluang dalam enam siri cabutan bertuah yang akan datang.





KAWALAN ANJING TERBIAR
MPHS JADI RUJUKAN PASUKAN KESELAMATAN UPM



23 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima lawatan kerja pasukan Polis Bantuan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mendapatkan pendedahan berkaitan pengurusan anjing terbiar berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Lawatan yang diketuai oleh Dr. Rozanaliza Binti Radzi dan Inspektor Mior Ahmad Azham Bin Mior Mohd Shopi bersama tujuh pegawai dan kakitangan UPM ini melibatkan sesi taklimat mengenai pengendalian aduan, pemantauan kawasan, teknik tangkapan secara berperikemanusiaan serta pengurusan haiwan terbiar di pusat tahanan sementara. Delegasi turut berkesempatan meninjau kemudahan pusat tahanan dan kaedah pengurusan haiwan yang dilaksanakan oleh MPHS dengan menitikberatkan kebajikan haiwan, keselamatan anggota serta pematuhan SOP. Lawatan ini turut menjadi platform perkongsian kepakaran dan pengukuhan kerjasama antara agensi dalam menangani isu haiwan terbiar secara sistematik dan berhemah, selaras dengan aspirasi SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat.





23 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU. Warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menyertai Program **"Jom Baca Bersama 10 Minit"** anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Program ini dilaksanakan secara serentak di seluruh Negeri Selangor bermula jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi sebagai simbolik sokongan terhadap usaha membudayakan amalan membaca dalam kalangan masyarakat. Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Penyertaan yang ditunjukkan mencerminkan komitmen positif dalam menyokong inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk memupuk budaya membaca dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan ilmu.





MAJLIS PENYERAHAN KOMPONEN AEROANGKASA OLEH UMW AEROSPACE SDN. BHD. KEPADA ROLLS-ROYCE





23 APRIL 2026 • SERENDAH. DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan menyaksikan Majlis Penyerahan Komponen Aeroangkasa oleh UMW Aerospace Sdn. Bhd. kepada Rolls-Royce di Kilang Pembuatan UMW Aerospace, Bandar Industri Bernilai Tinggi, Serendah. Turut hadir YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, barisan Exco Kerajaan Negeri serta Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin diiringi Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPHS, TPr Gs. Azlina binti Mokhtar. Penyerahan ini mencerminkan keyakinan industri antarabangsa terhadap keupayaan syarikat tempatan dalam menghasilkan komponen bertaraf dunia, sekali gus memperkukuh kedudukan Hulu Selangor dan Selangor sebagai lokasi strategik bagi pelaburan industri berteknologi tinggi serta menyokong pertumbuhan ekonomi negeri yang mampan dan berdaya saing.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK)



27 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima lawatan sambil belajar daripada Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) yang diketuai oleh Pengarah Jabatan Bangunan, Cik Haslinda binti Mohd Rantam bersama kakitangan Jabatan Bangunan MBDK. Lawatan ini bertujuan sebagai platform penanda aras dan perkongsian ilmu berkaitan garis panduan, tatacara perobohan struktur menara telekomunikasi serta proses penguatkuasaan oleh Jabatan Bangunan. Delegasi turut dibawa meninjau beberapa lokasi tarikan dan projek di sekitar Hulu Selangor sebelum mengikuti sesi taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Jabatan Bangunan MPHS, Encik Md. Rizal bin Mohd Sofian @ Abd Karim. Turut hadir, Setiausaha merangkap Timbalan Yang Dipertua MPHS, Puan Dewi Dirwana binti Munasir yang mengalu-alukan kunjungan serta menyokong usaha perkongsian kepakaran antara kedua-dua pihak. Lawatan ini diharap dapat memperkukuh kerjasama serta pertukaran pengalaman dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan dan penguatkuasaan jabatan.







PROGRAM BERSAMA MENTERI BESAR



25 APRIL 2026 • SEKINCHAN. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menyertai Larian Sawah sempena Festival Sawah Padi Sekinchan 2026 yang berlangsung dalam suasana meriah dengan latar keindahan sawah padi menghijau. Penyertaan seramai 20 orang kakitangan MPHS dalam larian sejauh 5 kilometer ini diketuai oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, bersama Puan Dewi Dirwana, Setiausaha MPHS, dan Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat. Penyertaan ini mencerminkan sokongan MPHS terhadap amalan gaya hidup sihat, promosi keunikan sektor pertanian dan pelancongan tempatan serta usaha memperkukuh hubungan kerjasama antara agensi dan komuniti setempat.



















MPHS DAN TNB LUPUS BARANG RAMPASAN BITCOIN







27 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui pasukan *Special Engagement Against Losses (SEAL)* telah melaksanakan pelupusan **197** unit mesin perlombongan *bitcoin* bernilai anggaran **RM788,000** yang dirampas sepanjang tahun 2025. Pelupusan dilaksanakan secara simbolik menggunakan penggelek jalan *(road roller)* di bawah Seksyen 116, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 sebagai langkah membanteras aktiviti perlombongan *bitcoin* haram yang melibatkan kecurian elektrik. Turut hadir ialah lapan wakil pasukan *SEAL TNB* yang diketuai oleh Ir. Ts. Amir Hamzah bin Othman, Jurutera Utama *SEAL* Selangor/Putrajaya & Cyberjaya, bersama Ir. Muhammad Sufi bin Abd Aziz dan Encik Mohd Ridzwan bin Md Norahim, Jurutera Kanan *SEAL*. MPHS merakamkan penghargaan atas kerjasama TNB dan komited untuk terus menyokong usaha membanteras kecurian elektrik serta memperkukuh penguatkuasaan undang-undang.

PERASMIAN PERSIDANGAN WLAM
DAN KURSUS PEMANTAPAN KONTRAKTOR 2026



28-30 APRIL 2026 • GENTING HIGHLANDS. Sempena sambutan Bulan Senibina Landskap Dunia 2026, Persidangan WLAM 2026 bertemakan ***"Playable City"*** dan Kursus Pemantapan Kontraktor telah berjaya dilaksanakan di Grand Ion Delemen dan Scape Hotel, Genting Highlands, dengan penyertaan lebih 125 peserta terdiri daripada PBT, pemaju, perunding, kontraktor serta pelajar. Persidangan yang dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBhg. En. Ahmad Shaharudin bin Kamaruddin, turut dihadiri Setiausaha MPHS, Puan Dewi Dirwana binti Munasir, serta menampilkan perkongsian daripada 10 panel jemputan termasuk panel antarabangsa dari Jepun dan Singapura. Penganjuran ini memberi penekanan terhadap konsep bandar yang inklusif, interaktif dan mesra komuniti, di samping menjadi platform perkongsian ilmu serta jaringan profesional dalam memperkukuh pembangunan landskap yang mampan dan berkualiti. Program yang turut mendapat pengiktirafan IFLA dan ASLA ini diteruskan dengan Kursus Pemantapan Kontraktor bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan kerja landskap secara lebih sistematik dan berkualiti.







LAWATAN PENANDAARASAN

JABATAN PENGUATKUASAAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA KE MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR (MPHS)

30 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU. Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima kunjungan seramai 56 delegasi daripada Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bagi tujuan lawatan penandaarasan Sistem Penguatkuasaan Bersepadu (SPKB). Lawatan ini menjadi platform perkongsian ilmu berkaitan pelaksanaan, pengoperasian dan kelebihan SPKB sebagai inisiatif digital dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, integriti serta tadbir urus penguatkuasaan selaras dengan Reformasi Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus (RSTU). Sesi taklimat turut disampaikan oleh Encik Ahmad Muhsin Mubarak, Chief Strategy Officer (CSO) Elix Solution Sdn. Bhd. selaku vendor SPKB, merangkumi fungsi utama, aspek teknikal dan hala tuju pembangunan sistem. Program turut diserikan dengan perlawanan persahabatan bola jaring dan bola sepak sebagai usaha mengeratkan hubungan serta memperkukuh jaringan kerjasama antara MPHS dan MBSJ.









Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2025 & Jasamu Dikenang

30 APRIL 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2025 dan Jasamu Dikenang 2026 sebagai penghargaan terhadap komitmen, dedikasi serta sumbangan warga kerja MPHS. Seramai 56 pegawai menerima pengiktirafan merangkumi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2025, Penghargaan Setia 35 Tahun, Anugerah Khas YDP, Penghargaan Belasungkawa dan Penghargaan Jasamu Dikenang. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan), yang menekankan agar kecemerlangan dijadikan budaya dan standard berterusan dalam perkhidmatan awam, selain menjadi suntikan semangat untuk terus berkhidmat dengan penuh integriti dan profesionalisme. Turut hadir Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Amat Dihormati Engku Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Setiausaha MPHS, Puan Dewi Dirwana binti Munasir serta barisan Ahli Majlis dan Pengarah MPHS.

YANG DIPERTUA MPHS TERIMA *ASIAN OUTSTANDING GOVERNMENT & PUBLIC LEADERSHIP AWARD*

2 MEI 2026 • KUALA LUMPUR



Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, telah menerima ***Asian Outstanding Government & Public Leadership Award*** pada Majlis ***Asia Impact Leaders Award 2026*** yang berlangsung di Kuala Lumpur. Pengiktirafan berprestij ini mencerminkan kecemerlangan kepimpinan beliau dalam menerajui MPHS ke arah organisasi yang progresif, berdaya saing dan berorientasikan kesejahteraan rakyat. Di bawah kepimpinan beliau, pelbagai inisiatif transformasi telah dilaksanakan bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan, meningkatkan kualiti hidup komuniti serta menyokong pembangunan mampan di Hulu Selangor. Seluruh warga MPHS merakamkan ucapan tahniah atas pencapaian ini dan berharap ia menjadi inspirasi untuk terus memberikan perkhidmatan cemerlang kepada masyarakat. Majlis turut dihadiri oleh Setiausaha MPHS, Puan Dewi Dirwana Munasir, Pengarah Perbendaharaan, Encik Shaiful Rizza bin Hj. Piamin serta Ketua Bahagian Korporat, Puan Junainah binti Abdullah.









KUBU KLASIK BAZAAR

9-10 MEI 2026 • DATARAN WARISAN, KUALA KUBU BHARU

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) melalui Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan telah menganjurkan program Kubu Klasik Bazaar yang berlangsung di Dataran Warisan Kuala Kubu Bharu dengan menampilkan suasana retro yang penuh nostalgia serta elemen komuniti yang meriah. Program ini berjaya menarik kehadiran pengunjung dengan konsep santai yang mengetengahkan gaya hidup ***"retro vintage"*** serta suasana pasar komuniti di tengah bandar Kuala Kubu Bharu. Pelbagai aktiviti dan jualan telah diadakan melibatkan barangan vintage serta pakaian preloved yang mendapat sambutan daripada pengunjung. Program ini turut diserikan dengan kehadiran Setiausaha MPHS yang telah hadir bagi menyantuni program berkenaan, sekali gus menyokong usaha MPHS dalam memperkukuh pembangunan usahawan serta penggiat kecil tempatan.



PERTANDINGAN snooker KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN



9 MEI 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Sukan Antara Jabatan MPHS 2026 telah membuka tirainya dengan acara snooker yang berlangsung dalam suasana penuh semangat dan persaingan sihat. Program ini turut mendapat sokongan daripada Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, serta Yang Dipertua KSDK MPHS, Encik Khairul Anuar bin Khalid. Dalam pertandingan tersebut, **Rumah Sukan Ungu** muncul sebagai **johan**, diikuti Rumah Sukan Jingga sebagai naib johan, manakala Rumah Sukan Merah menduduki tempat ketiga.







PROGRAM ZIARAH KEBAJIKAN
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPHS





13 MEI 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPHS telah mengadakan Program Ziarah Kebajikan pada jam 9.00 pagi bagi menziarahi Encik Muhammad Hanis bin Sudirman yang disyaki menghidap penyakit *Autoimmune Disease*. Program ini diketuai oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin bersama wakil pengurusan serta ahli KSDK MPHS. Turut hadir ialah Setiausaha MPHS, Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPHS, Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, barisan kepimpinan KSDK serta ahli-ahli Biro Kebajikan. Ziarah ini bertujuan menyampaikan sokongan moral dan tanda keprihatinan kepada beliau, di samping mendoakan agar diberikan kesembuhan, kesihatan yang baik serta dipermudahkan segala urusan rawatan.

BENGKEL PEMBANGUNAN
PRODUK *GARDEN HERITAGE CITY* KUALA KUBU BHARU









19 MEI 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Bengkel Pembangunan Produk Garden Heritage City Kuala Kubu Bharu telah berlangsung di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Kuala Kubu Bharu, Perpustakaan Syed Mashor, bersempena Tahun Melawat Selangor 2026. Program anjuran bersama Tourism Selangor dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) ini bertujuan mengenal pasti serta membangunkan potensi produk pelancongan berasaskan warisan, sejarah, landskap dan komuniti setempat melalui pembangunan *Garden Heritage Walk Kuala Kubu Bharu Trail*. Sepanjang bengkel, pelbagai sesi perbincangan, pembentangan dan lawatan tapak telah diadakan bagi mendapatkan input daripada pihak berkepentingan dalam usaha memperkukuhkan identiti Kuala Kubu Bharu sebagai bandar warisan yang unik dan berdaya tarikan kepada pelancong tempatan serta antarabangsa. Turut hadir ialah YBrs. Puan Chua Yee Ling, Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Selangor; YBrs. Tuan Shaful Rizza bin Hj Piamin, Pengarah Perbendaharaan merangkap Penolong Setiausaha MPHS; YBrs. Tuan Mohd Hazhman bin Haron, Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa; serta YBrs. Tuan Azim bin Sulaiman, Pensyarah *School of Architecture & Design, Taylor's University*. Hasil bengkel ini diharap menjadi pemangkin kepada pembangunan produk pelancongan baharu yang mampu meningkatkan daya tarikan Kuala Kubu Bharu sebagai destinasi pelancongan warisan utama di Negeri Selangor.









JELAJAH PENGANGKUTAN AWAM
BERSAMA BAS SMART SELANGOR



19 MEI 2026 • HULU SELANGOR. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah bekerjasama menjayakan Program Jelajah Bas Smart Selangor bersama anak-anak Tadika Dzul Iman bagi memberi pendedahan awal mengenai pengangkutan awam kepada generasi muda. Program bermula jam 10.00 pagi dengan perjalanan dari Batang Kali ke Antara Gapi menggunakan Bas Smart Selangor laluan HS02, melibatkan 40 orang murid dan 3 guru pengiring. Sepanjang perjalanan, peserta turut diberi taklimat keselamatan serta pengenalan kepada sistem pengangkutan awam. Inisiatif ini diharap dapat memupuk kesedaran dan minat terhadap penggunaan pengangkutan awam yang lestari sejak usia awal.







MAJLIS PENGHARGAAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH HULU SELANGOR

21 MEI 2026 • HULU SELANGOR. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menyantuni undangan ke Majlis Perhimpunan Bulanan Ketua Polis Daerah Hulu Selangor bagi bulan Mei 2026 yang telah berlangsung di perkarangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor. Majlis tersebut turut dihadiri oleh pegawai dan kakitangan IPD serta jemputan awam. Undangan bagi Yang Dipertua MPHS telah diwakili oleh Puan Junainah binti Abdullah, Ketua Bahagian Korporat dan Encik Mohd Fadhil bin Mohd Lani, Pengarah Jabatan Landskap. Dalam majlis tersebut, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menerima Sijil Penghargaan daripada Ketua Polis Daerah Hulu Selangor sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap sumbangan cemerlang MPHS dalam mendukung usaha pengurusan komuniti serta memperkukuh aspek keselamatan di daerah ini. Penghargaan ini turut mencerminkan jalinan kerjasama strategik yang berterusan serta komitmen padu MPHS dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan komuniti setempat sentiasa terpelihara.











LAWATAN PENANDA ARAS
MPAJ KE MPHS

21 MEI 2026 • KUALA KUBU BHARU. Lawatan penanda aras antara Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah berlangsung dengan jayanya di Ibu Pejabat MPHS. Program ini melibatkan lawatan kerja rasmi serta sesi perkongsian ilmu dan perbincangan bersama Jabatan Perbendaharaan MPHS yang memfokuskan kepada amalan terbaik dalam pengurusan kewangan, tadbir urus organisasi dan penyampaian perkhidmatan. Lawatan ini turut menjadi platform bagi memperkukuh hubungan strategik antara kedua-dua pihak melalui pertukaran pengalaman, idea dan pendekatan inovatif yang dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan serta kecemerlangan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan.







MESYUARAT PENUH MPHS
BILANGAN 5/2026

21 MEI 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Mesyuarat MPHS Bil. 5/2026 telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Timbalan Yang Dipertua dan turut dihadiri oleh YAD Engku Orang Kaya Mahabijaya Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Tuan Shaiful Rizza bin Haji Piamin, Penolong Setiausaha merangkap Pengarah Perbendaharaan bersama barisan Ketua Whip, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah Jabatan, Ketua Bahagian/ Unit MPHS.













3RD SELANGOR FC PARTNERS' DAY 2026







6 JUN 2026 ● PUSAT LATIHAN SELANGOR FC, SHAH ALAM. Program tersebut telah disempurnakan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj. Turut hadir memeriahkan majlis ialah YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor, serta Yang Berusaha Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS).Penganjuran program ini bertujuan memperkukuh hubungan kerjasama dan silaturahim antara pihak pengurusan Selangor FC, rakan-rakan penaja serta pemegang taruh yang sentiasa memberikan sokongan padu terhadap pembangunan dan kemajuan pasukan Selangor FC.

HuSel HALF 2026

HULU SELANGOR HALF MARATHON

7 JUN 2026 • DATARAN WARISAN, KUALA KUBU BHARU



Hulu Selangor Half Marathon 2026 (HSHM 2026) telah berlangsung dengan jayanya dengan penyertaan hampir **1,500 pelari dari 15 buah negara**. Penganjuran oleh Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) ini merupakan antara acara larian terbesar yang pernah diadakan di daerah Hulu Selangor, sekali gus memperkukuh kedudukan daerah ini sebagai destinasi pelancongan sukan di Negeri Selangor serta menggalakkan amalan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan masyarakat. Acara pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPHS, Puan Julaihah binti Jamaludin bersama Ahli Dewan Negeri Kuala Kubu Baharu, YB Pang Sock Tao dan Penyelaras Parlimen Hulu Selangor, Dr. Sathia Prakash Nadarajan. Program ini menawarkan empat kategori penyertaan iaitu ***21 Kilometer (Half Marathon), 12 Kilometer Race, 5 Kilometer Fun Run*** dan ***3 Kilometer Fun Walk*** yang berjaya menarik penyertaan pelari profesional, atlet amatur, komuniti larian serta keluarga dari dalam dan luar negara. Laluan larian yang melalui panorama alam semula jadi, kawasan perkampungan, jalan berbukit serta kehijauan Kuala Kubu Bharu memberikan pengalaman unik kepada para peserta dan menyerlahkan potensi daerah ini sebagai lokasi penganjuran acara larian bertaraf besar. Sepanjang program berlangsung, dianggarkan hampir **3,000 pengunjung** berada di sekitar Kuala Kubu Bharu, sekali gus memberi impak positif kepada sosioekonomi setempat melalui peningkatan aktiviti sektor penginapan, makanan dan minuman, peruncitan serta perkhidmatan pelancongan. MPHS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta, agensi kerajaan, pasukan keselamatan, sukarelawan, penaja dan rakan strategik yang telah menjayakan penganjuran HSHM 2026, sekali gus mengangkat Hulu Selangor sebagai destinasi pelancongan sukan, rekreasi dan alam semula jadi yang berprestij di peringkat nasional dan antarabangsa.

























PROGRAM ZIARAH
KELUARGA ALLAHYARHAM SYAMSURY BIN IBRAHIM
OLEH KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPHS

12 JUN 2026 ● RASA. Program Ziarah Kebajikan telah diadakan di Kampung Melayu Rasa bagi menziarahi keluarga Allahyarham Syamsury Bin Ibrahim. Program ziarah tersebut diketuai oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), Puan Julaihah binti Jamaludin bersama wakil pengurusan serta ahli Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPHS. Turut hadir ialah Yang Dipertua KSDK, Encik Khairul Anuar bin Mohd Khalid, Setiausaha KSDK, Puan Noorazreen binti Anuar serta ahli jawatankuasa Biro Kebajikan KSDK MPHS. Penganjuran ziarah ini bertujuan menyampaikan sumbangan kebajikan serta memberikan sokongan moral sebagai tanda keprihatinan kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama golongan yang beriman, serta keluarga yang ditinggalkan diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ujian.









SUKAN
ANTARA JABATAN MPHS
BOLA JARING

12 JUN 2026 ● KUALA KUBU BHARU. Pertandingan Bola Jaring sempena Sukan Antara Jabatan MPHS 2026 yang telah berlangsung di Kompleks Sukan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor. Pertandingan yang disertai oleh warga kerja melalui pasukan rumah sukan masing-masing ini turut mendapat sokongan daripada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), Puan Julaihah binti Jamaludin yang hadir memeriahkan program serta mewakili pasukan Rumah Hijau. Penganjuran pertandingan ini bukan sahaja bertujuan menggalakkan penyertaan warga kerja dalam aktiviti sukan, malah turut memperkukuhkan semangat berpasukan, memupuk hubungan silaturahim serta mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan warga MPHS. **Bagi kategori wanita, Rumah Ungu telah muncul sebagai juara**, diikuti Rumah Jingga di tempat kedua dan Rumah Biru di tempat ketiga. Manakala **bagi kategori lelaki, Rumah Ungu turut menjuarai pertandingan**, diikuti Rumah Hijau di tempat kedua dan Rumah Kuning di tempat ketiga. Tahniah diucapkan kepada semua pasukan yang telah mempamerkan semangat juang, disiplin dan kerjasama berpasukan yang tinggi sepanjang pertandingan berlangsung. Penganjuran Sukan Antara Jabatan MPHS 2026 ini secara tidak langsung berjaya mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga MPHS serta menyemarakkan budaya hidup sihat dan semangat kesukanan dalam organisasi.









LAWATAN KERJA YANG DIPERTUA MPHS KE INDUSTRI TEMPATAN

14- 16 JUN 2026 • HULU SELANGOR



YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), telah mengadakan lawatan kerja ke SMH Rail, Rasa; Ladang Rock Melon Ulu Yam; dan Givi Asia Sdn. Bhd., Bukit Beruntung bagi meninjau operasi, perkembangan perniagaan serta meneroka potensi kerjasama strategik antara MPHS dan pihak industri. Lawatan ini turut menjadi platform mendapatkan maklum balas mengenai keperluan serta cabaran yang dihadapi oleh sektor industri dan pertanian, selaras dengan komitmen MPHS dalam memperkukuh pembangunan ekonomi tempatan, menyokong pertumbuhan mampan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

















BENGKEL PENGENALAN KEPADA HARTA INTELEK (IP), PATEN, HAK CIPTA 101 DAN PENGKORMESIALAN HARTA INTELEK



18 JUN 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menganjurkan Bengkel Pengenalan kepada Harta Intelek (IP), Paten, Hak Cipta dan Pengkomersialan Harta Intelek yang melibatkan Ketua-Ketua Jabatan serta Penyelaras Inovasi MPHS. Bengkel ini bertujuan meningkatkan pemahaman mengenai kepentingan perlindungan harta intelek dalam melindungi idea dan inovasi organisasi melalui perkongsian oleh wakil Invenxer Sdn. Bhd., iaitu Encik Mohamed Ikhwan bin Shahdzul Bakri dan Puan Syuhada binti Mohd Shafawi. Program ini turut memberi pendedahan berkaitan proses asas perlindungan harta intelek serta peranannya dalam memperkasa budaya inovasi dan pembangunan idea yang bernilai.











Program GOTONG-ROYONG PERDANA

PERSIAPAN LARIAN OBOR SUKMA SELANGOR







19 JUN 2026 • KUALA KUBU BHARU. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) MPHS telah menggerakkan seluruh jabatan dalam Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) bagi melaksanakan Program Gotong-Royong Perdana di sekitar Terminal Bas KKB dan Pasar Awam KKB sebagai persediaan menyambut acara Larian Obor Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor. Inisiatif bersepadu ini dilaksanakan bagi memastikan kawasan tumpuan awam berada dalam keadaan bersih, ceria dan selesa, selaras dengan SDG 11, Bandar dan Komuniti yang Mampan dalam mewujudkan persekitaran bandar yang selamat serta inklusif. Program dimulakan dengan kata alu-aluan oleh Pengarah JPSPPA, Encik Mohd Shahril bin Ramli yang menekankan kepentingan semangat kerjasama warga kerja MPHS dalam mengekalkan kebersihan daerah. Turut hadir Ahli Majlis Kawasan Zon 9, Puan Saripah Bakar yang menyampaikan kata-kata semangat serta memuji komitmen semua jabatan yang turun padang, selaras dengan SDG 17, Perkongsian Demi Matlamat melalui kerjasama strategik dalam mencapai kesejahteraan penduduk dan kejayaan program peringkat negeri. Sesi taklimat serta pembahagian tugas turut diselaraskan oleh Encik Mohamad Alauddin, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U6, dan keseluruhan aktiviti berjalan lancar dengan komitmen tinggi seluruh warga MPHS bagi memastikan kawasan sekitar Terminal Bas dan Pasar Awam KKB berada pada tahap kebersihan optimum.









LOCAL BUSINESS CONNECT @HULU SELANGOR

PERKASA USAHAWAN TEMPATAN



20 JUN 2026 • SERENDAH

Program anjuran Invest Selangor Berhad telah dirasmikan oleh Y.B. Tuan Ng Sze Han, Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Negeri Selangor ini menjadi platform strategik dalam menghubungkan usahawan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan bersama pemain industri serta pelabur bagi meneroka peluang perniagaan, pembekalan dan kerjasama strategik. Turut hadir ialah YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS, YBhg. Tuan Shaiful Rizza bin Hj. Piamin, Penolong Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPHS serta Ahli-ahli Majlis MPHS. Dalam program ini, Jabatan Perancang Bandar MPHS turut membuka kaunter bagi mendapatkan maklum balas berkaitan tahap kebahagiaan penduduk Hulu Selangor serta berkongsi maklumat mengenai Jawatankuasa Pengurusan Taman Perusahaan (IPMC) kepada syarikat industri dan pelabur yang beroperasi di daerah ini. MPHS berharap penganjuran program seperti ini dapat memperluaskan jaringan perniagaan usahawan tempatan, membuka peluang kerjasama strategik bersama sektor industri serta membantu penduduk Hulu Selangor, khususnya pencari kerja, memanfaatkan peluang pekerjaan yang tersedia bagi meningkatkan taraf hidup.









MPHS TERIMA ANUGERAH *MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARD (MLAA16)*

20 JUN 2026 • KUALA LUMPUR. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) terus mencipta kejayaan apabila menerima Honour Award bagi Green Initiative Award, Government Category menerusi projek Outdoor Museum Dataran Warisan Kuala Kubu Bharu dalam Anugerah Malaysia Landscape Architecture Award (MLAA16) Awards Gala 2026 yang berlangsung di Majestic Hotel Kuala Lumpur. Pengiktirafan tersebut telah diterima oleh YBrs. Puan Dewi Diwana Munasir, Setiausaha merangkap Timbalan Yang Dipertua MPHS yang mewakili pihak majlis. Majlis berprestij ini telah dirasmikan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). MLAA16 merupakan platform berprestij yang meraikan kecemerlangan dalam bidang reka bentuk dan seni bina landskap dengan menghimpunkan pemimpin industri daripada pelbagai latar belakang termasuk badan korporat, perunding, kontraktor, pemaju serta organisasi kerajaan. Penyertaan pada edisi kali ini turut mendapat penglibatan antarabangsa daripada Thailand, Singapura dan Indonesia, sekali gus membuktikan standard tinggi pertandingan tersebut serta memperkukuhkan lagi pengiktirafan terhadap usaha MPHS dalam memperkasa pembangunan landskap mampan dan kelestarian bandar.





ACARA PENYAMPAIAN APRESIASI KEPADA JMB/MC MPHS 2025



21 JUN 2026 • KUALA KUBU BHARU. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah melaksanakan Acara Penyampaian Apresiasi kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) 2025 bertempat di Dataran Warisan, Kuala Kubu Bharu. Program ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada JMB/MC berdasarkan penilaian Indeks Kualiti Pengurusan Bangunan Berstrata dalam memastikan sistem pengurusan serta pentadbiran JMB/MC mencapai tahap kualiti yang ditetapkan. Inisiatif melalui Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPHS ini turut melibatkan penilaian penarafan bintang kepada JMB/MC serta pemberian apresiasi kepada pengurusan yang mencatatkan pencapaian cemerlang. Majlis yang diadakan bersempena Program Hari Tanpa Kenderaan dan Larian Obor SUKMA XXII Selangor 2026 itu turut menyaksikan penyampaian sijil dan wang tunai oleh YBhg. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS kepada 19 penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Strata yang berjaya memperoleh penarafan 4 bintang. Selain itu, tiga JMB/MC turut menerima Anugerah Pengurusan, Penyenggaraan dan Kewangan Terbaik iaitu **JMB Pangsapuri Seri Kembangan, Bukit Beruntung (Tempat Pertama), Perbadanan Pengurusan Seri Anggerik III, Bukit Sentosa (Tempat Kedua)** dan **JMB Pangsapuri Seri Tanjung, Bukit Beruntung (Tempat Ketiga).** Pelaksanaan penilaian penarafan bintang JMB/MC ini merupakan salah satu contoh pemantauan serta kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dengan Jabatan/Bahagian/Unit Pesuruhjaya Bangunan di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. MPHS merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua penerima serta berharap pengiktirafan ini dapat meningkatkan motivasi JMB/MC untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik demi kesejahteraan komuniti di kawasan masing-masing.



LARIAN OBOR SUKMA XXII SELANGOR 2026 HULU SELANGOR





21 JUN 2026 • KUALA KUBU BHARU. YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan Negeri Selangor diiringi YBrs. Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi, Pengarah Eksekutif MSNS hadir ke Majlis Pelepasan Larian Obor SUKMA dan Para SUKMA 2026 Peringkat Daerah Hulu Selangor yang berlangsung di Dataran Warisan, Kuala Kubu Bharu. Turut hadir YDH Raja Dato' Haji Muzaffar bin Raja Haji Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor; YBrs. Tuan Yuhanas Auree bin Kamaruddin, Pegawai Daerah Hulu Selangor; YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor serta YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat SUKMA XXII & Para SUKMA Selangor.







SYABAS DAN TAHNIAH!



22 JUN 2026 • KUALA LUMPUR

Setinggi-tinggi Tahniah diucapkan kepada YBrs. Puan Julaihah Binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) atas penganugerahan pangkat **Mejar (Kehormat) JAKPAW Negeri Selangor** sempena Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan Tauliah Kehormat Askar Wataniah (AW) di Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur. Semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin untuk terus menyumbang bakti, memperkukuh semangat kepimpinan serta mengharumkan nama MPHS dan Negeri Selangor.







LAWATAN MENGEJUT YDP MPHS
KE JABATAN SIRI 3 TAHUN 2026





24 JUN 2026 • KUALA KUBU BHARU. Puan Julaihah binti Jamaludin, A.M.S., Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), telah mengetuai Lawatan Mengejut Ketua Jabatan Siri 3 Tahun 2026 bagi memantau keberadaan kakitangan di lima lokasi, iaitu Kafe MPHS, Kaunter Bersepadu dan Kaunter Informasi, Jabatan Kejuruteraan, Bilik Pembersihan serta Jabatan Penilaian. Lawatan turut disertai Ketua Unit Integriti dan pegawai Unit Integriti MPHS, dengan semakan rekod keluar masuk pejabat serta maklumat urusan rasmi kakitangan bagi memastikan pematuhan waktu bekerja, memperkukuh integriti dan meningkatkan akauntabiliti warga kerja.















TOPPING OUT CEREMONY
CHERRY SMART AUTO INDUSTRIAL PARK (PHASE 1)



25 JUN 2026 • LEMBAH BERINGIN. YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menghadiri *Topping Out Ceremony of Chery Smart Industrial Park*, yang menandakan kejayaan menyiapkan struktur utama pembangunan





fasiliti industri tersebut. Kehadiran MPHS pada majlis ini mencerminkan komitmen pihak berkuasa tempatan dalam menyokong pelaburan strategik yang mampu merancakkan pertumbuhan ekonomi, membuka lebih banyak peluang pekerjaan serta memperkukuh kedudukan Hulu Selangor sebagai destinasi pelaburan berdaya saing.





SIMPOSIUM PENGURUSAN STRATA 2026
MENDEPANI CABARAN STRATA:
DARI PEMBANGUNAN KE PENGURUSAN CEMERLANG



25 JUN 2026 • GENTRING HIGHLANDS. Bahagian Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menganjurkan Simposium Pengurusan Strata Majlis Perbandaran Hulu Selangor 2026 bertemakan **"Mendepani Cabaran Strata: Dari Pembangunan Ke Pengurusan Cemerlang"** bertempat di Geo Resort & Hotel, yang dihadiri seramai 120 peserta terdiri daripada golongan profesional, kakitangan sektor awam dan swasta, Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC) serta pemegang taruh dalam sektor pengurusan strata. Simposium sulung ini dinaungi oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS merangkap Pesuruhjaya Bangunan MPHS dan telah disempurnakan perasmiannya oleh Y.B. Datuk Borhan bin Aman Shah, EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor. Majlis turut dihadiri oleh Yang Amat Dihormati Engku Orang Kaya Maha Bijaya, Raja Dato' Haji Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor; Yang Berusaha Encik Zamri bin Ishak, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Strata, Jabatan Perumahan Negara, KPKT; Yang Berusaha Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha merangkap Timbalan Pesuruhjaya Bangunan 1 MPHS; Ahli-ahli Majlis serta Pengarah-pengarah Jabatan/Bahagian MPHS.Penganjuran simposium ini bertujuan memperkukuh tadbir urus, pengurusan dan penyenggaraan skim pembangunan berstrata melalui perkongsian ilmu, pemantapan kompetensi serta penerapan amalan terbaik dalam pengurusan strata. Antara penceramah yang terlibat ialah TPr. Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPHS; LSr Looi Kam Seng, Pengarah JUPEM Negeri Selangor; Encik Daniel Lee Abdullah, Pengarah Bahagian Hakmilik Strata & Stratum, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan; serta YBhg. Dato' Ir. Ts. Hj. Mohd Taufik bin Haron, Ketua Pegawai Eksekutif Ikram Works Sdn. Bhd. Simposium ini turut mendapat pengiktirafan Mata Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) daripada BOVAEP, BEM, LJT, MIP, LAM dan BQSM serta sokongan HRD Corp. MPHS berharap penganjuran ini dapat meningkatkan profesionalisme dan memperkukuh budaya tadbir urus cemerlang dalam kalangan penggiat industri strata bagi menyokong pembangunan komuniti strata yang mampan dan sejahtera.









PENYERAHAN OBOR SUKMA
KE MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG











27 JUN 2026 • BANDAR BARU SELAYANG. Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) telah menyempurnakan acara simbolik Penyerahan Obor SUKMA Selangor kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bertempat di Dataran Ilmu Bandar Baru Selayang sebagai tanda kesinambungan semangat kesukanan, perpaduan dan kerjasama menjelang penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor. Penyerahan obor tersebut telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS kepada Yang Dipertua MPS sebagai simbol komitmen bersama dalam menyokong kejayaan temasya sukan berprestij tersebut. Turut hadir ialah YBrs. Puan Dewi Dirwana binti Munasir, Setiausaha MPHS, wakil Ahli Majlis MPHS, Pengarah-pengarah Jabatan serta warga kerja MPHS yang terlibat dalam menjayakan gimik penyerahan obor berkenaan.

OPERASI MENEMBAK GAGAK SIRI 1/2026

MPHS LAKSANAKAN TINDAKAN KAWALAN POPULASI HAIWAN PEROSAK

28 JUN 2026 • HULU SELANGOR



Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) melalui Bahagian Kelestarian dan Kesejahteraan Komuniti (KESKOM), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) telah melaksanakan Operasi Menembak Gagak Siri 1/2026 sebagai langkah kawalan populasi haiwan perosak, melibatkan penyertaan 13 orang penembak berlesen dan berjaya mengawal sebanyak **2,139** ekor burung gagak di sekitar Hulu Selangor. Operasi yang dirasmikan oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin ini turut melibatkan taklimat keselamatan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor bagi memastikan pematuhan aspek keselamatan sepanjang operasi berlangsung. Pelaksanaan operasi ini bertujuan mengawal populasi burung gagak yang boleh menjejaskan kebersihan persekitaran, kesihatan awam dan kesejahteraan komuniti, di samping memperkukuh komitmen MPHS dalam memastikan persekitaran Hulu Selangor kekal bersih, selamat dan lestari melalui pendekatan kawalan berkala serta kesedaran pengurusan sisa yang betul dalam kalangan masyarakat.







LAWATAN KERJA
KE TAPAK PELUPUSAN BUKIT TAGAR





29 JUN 2026 • BUKIT TAGAR. Delegasi Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) yang diketuai oleh Yang Dipertua, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, bersama Ahli-Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan telah mengadakan lawatan kerja ke Bukit Tagar Engineered Park (BTEP), sebuah kemudahan pengurusan sisa pepejal bersepadu berteknologi tinggi. Ketibaan delegasi disambut oleh Encik Roy Cheah, Ketua Pegawai Eksekutif Berjaya Enviroparks Sdn. Bhd. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan mengenai operasi pelupusan sisa moden, teknologi rawatan sisa dan inovasi penjanaan tenaga boleh diperbaharui bagi menyokong kelestarian alam sekitar. Antara kemudahan yang dilawati ialah Operasi Phase 4, Vista Point, SRMC ANSB dan Loji SRMC, *Leachate Treatment Plant (LTP), Renewable Energy (RE) Centre* serta *Scheduled Solid Waste Treatment Centre (SSWTC)*. MPHS merakamkan penghargaan kepada Encik Roy Cheah, Encik Peter Wong, Ketua Pegawai Eksekutif J&T Naza Alam Murni, Encik Zainal Fikri, Pengurus Operasi Berjaya Enviroparks serta seluruh pasukan pengurusan dan teknikal atas sambutan mesra dan kerjasama yang diberikan. Semoga lawatan ini dapat memperkukuh jalinan kerjasama ke arah pengurusan sisa pepejal yang lebih cekap, hijau dan lestari di Daerah Hulu Selangor.







Majlis Pengiktirafan

REFORMASI
KERENAH BIROKRASI (RKB) 2025
MPHS TERIMA DUA PENGIKTIRAFAN



29 JUN 2026 • PUTRAJAYA. Majlis yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, diadakan bagi menghargai kejayaan pelaksanaan projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) 2025 yang telah menyumbang kepada pengurangan beban peraturan, di samping meningkatkan kecekapan, produktiviti serta kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Dalam majlis tersebut, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor turut menerima pengiktirafan atas kecemerlangan pelaksanaan agenda Reformasi Kerenah Birokrasi. Pengiktirafan tersebut telah diterima oleh YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, bagi mewakili PBT-PBT di negeri ini. MPHS turut menyumbang kepada kejayaan tersebut apabila berjaya tersenarai sebagai penerima **Kategori Penghargaan Khas** serta **Kategori Projek Berpotensi Tinggi**, sekali gus membuktikan komitmen berterusan majlis dalam melaksanakan inisiatif penambahbaikan proses kerja dan penyampaian perkhidmatan yang berimpak tinggi. Pengiktirafan ini menjadi pemangkin kepada MPHS untuk terus memperkukuh agenda reformasi birokrasi melalui pelaksanaan tadbir urus yang lebih cekap, inovatif dan berintegriti, selaras dengan aspirasi kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan awam yang pantas, berkesan serta berorientasikan rakyat. Turut hadir, YBrs. Puan Julaihah binti Jamaludin, Yang Dipertua MPHS ; TPr.Gs. Azlina binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Perancang Bandar ; Puan Junainah binti Abdullah, Ketua Bahagian Korporat dan Encik Mohd Heiri Helmi Bin Abu Bakar, Penolong Pegawai Seni Bina .



PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

❑ Y.A.D ENGKU ORANG KAYA MAHABIJAYA HULU SELANGOR, RAJA DATO' MUZAFFAR BIN RAJA REDZWA, ZON 24



15 JANUARI 2026 ● MPHS. Lantikan baharu Ahli Majlis MPHS Tahun 2026-2027.





15 JANUARI 2026 ● FELDA SUNGAI TENGI. Majlis Ihya Ramadhan dan Penyampaian Sumbangan.



3 MAC 2026 ● SETIA TEMPLER'S BALLROOM@SETIA ECO TEMPLER, RAWANG. Majlis Apresiasi Lestari Hulu Selangor.





21 JUN 2026 ● DATARAN WARISAN, KUALA KUBU BHARU. Program Program Hari Tanpa Kenderaan dan Larian Obor Sukma XXII Selangor 2026.



3 MAC 2026 ● MASJID JAMEK AR-RAHIMAH, KUALA KUBU BHARU. Majlis Berbuka Puasa Iftar Ramadhan MHS 2026.



❑ TUAN MD JOHARI BIN HALUS, ZON 2



JANUARI 2026 ● Program Pemberian Sumbangan Kembali Ke Sekolah.



FEBRUARI 2026 ● FELDA GEDANGSA. Lawatan Program Generasi Sihat, Komuniti Hebat.



FEBRUARI 2026 ● FELDA SOEHARTO/ GEDANGSA. Program Sumbangan Ibu Tunggal.

PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT


❑ TUAN MD JOHARI BIN HALUS, ZON 2



MAC 2026 ● FELDA GEDANGSA DAN SEKITAR. Program Jaringan Ukhuwah dan Sumbangan Kepada Penduduk Kampung.



MAC 2026 ● HULU BERNAM. Program Sambutan Hair Raya Aidil Fitri dan Sumbangan Duit Raya 2026.



APRIL 2026 ● FELDA SUNGAI TENGI. Lawatan Ke Pusat Penyelamat Hidupan Liar Sungai Tengi.



MEI 2026 ● BUKIT SENTOSA. Program Korban Bersama NGO dan & Kejiranan Telipot.



JUN 2026 ● BATANG KALI. Program Bersama NGO dan Belia Batang Kali Sempena Tamat Latihan Persilatan.

❑ PUAN LAW SUET PENG, ZON 6



29 JANUARI 2026 ● KERLING. Program Agihan Kuih Raya Sempena Tahun Baru Cina 2026.



16 MAC 2026 ● KERLING. Program Agihan Juadah Berbuka Puasa.

18 MAC 2026 ● KERLING. Program Infaq Aidil Fitridan Agihan Ayam Segar Kepada Warga Kerling .





12 APRIL 2026 ● KERLING. Program Sumbangan Bakul Makanan Kepada Fakir Miskin.

PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

❑ PUAN SARIPAH BINTI ABU BAKAR, ZON 9



30 JAN 2026 ● AMPANG PECAH. Sumbangan Calculator Saintifik kepada 20 orang pelajar Tingkatan 1, Sekolah Menengah Kebangsaan Ampang Pecah.



9 FEBRUARI 2026 ● AMPANG PECAH. Edaran Bakul Kasih Tahun Baru Cina 2026.



5 MAC 2026 ● AMPANG PECAH. Majlis Iftar dan Ramah Mesra Bersama Pemimpin di Masjid Al Hidayah Ampang Pecah.



18 MAC 2026 ● AMPANG PECAH. Edaran Kasih Aidil Fitri 2026.

16 MEI 2026 ● AMPANG PECAH. Majlis Edaran cenderahati sempena Sambutan Hari Guru 2026.





30 JUN 2026 ● AMPANG PECAH. Majlis Rewang Memasak dan mengedarkan Bubur Asyura.



❑ WONG SHEAU MEI@ONG SHEAU MEI, ZON 14

22 JANUARI 2026 ● HULU YAM BHARU. Program Gotong-Royong JPKK Kampung Gurney.



PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

❑ WONG SHEAU MEI@ONG SHEAU MEI, ZON 14

14 FEBRUARI 2026 ● HULU YAM BHARU. Program Jualan Ehsan Rahmah Taman Desa Kelisa.





29 MAC 2026 ● HULU YAM BHARU. Ziarah Mangsa Kebakaran Di Kampung Pasir.




11 APRIL 2026 ● HULU YAM BHARU. Program Jualan Ehsan Rahmah & Mini Karnival Komuniti Aidilfitri Anjuran JPKK Kampung Sungai Kamin.



11 APRIL 2026 ● HULU YAM BHARU. Sambutan Hari Raya Komuniti 1/3 PPAM Selindung Daun.

LAPORAN ADUAN


JUMLAH ADUAN BAGI TAHUN 2026 (JANUARI-JUN)



BULAN	TERIMA	*ADUAN		DALAM TINDAKAN		SELESAI	
		ADUAN	%	DALAM TINDAKAN	%	SELESAI	%
JANUARI	464	564	12.82	0	0.00	564	100.00
FEBRUARI	395	499	11.34	0	0.00	499	100.00
MAC	300	382	8.68	0	0.00	382	100.00
APRIL	482	638	14.50	0	0.00	638	100.00
MEI	446	565	12.84	3	0.53	562	99.47
JUN	440	555	12.61	25	4.50	530	95.50
JUMLAH	2,527	3,203	72.80	28	5.03	3,175	94.96

PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT JABATAN / BAHAGIAN / UNIT


MAJLIS / JABATAN	ADUAN	SELESAI	%
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	1	1	100.00
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	3	2	66.67
BAHAGIAN KORPORAT	3	3	100.00
UNIT INTEGRITI	6	5	83.33
JABATAN PERBENDAHARAAN	7	7	100.00
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	27	21	77.78
JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN	51	46	90.20
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN COB	54	41	75.93
JABATAN PERANCANG BANDAR	108	75	69.44
JABATAN BANGUNAN	155	114	73.55
AGENSI LUAR	299	226	76.35
UNIT KAWALAN HAIWAN TERBIAR	300	284	94.67
JABATAN LANDSKAP	349	304	87.11
JABATAN PENGUATKUASAAN	442	410	92.76
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM	580	428	74.31
JABATAN KEJURUTERAAN	818	611	76.66
JUMLAH	3,203	2,578	81,20




PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT KATEGORI

BUTIRAN	ADUAN	SELESAI	%
PENGURUSAN STADIUM	0	0	0.00
PUSAT KECANTIKAN DAN KESIHATAN	0	0	0.00
CYBERCAFE	0	0	0.00
HOTEL BAJET/HOMESTAY	0	0	0.00
PUSAT HIBURAN	0	0	0.00
PONDOK/STESEN BAS/TEKSI	6	6	100.00
BIL CUKAI TAKSIRAN	10	10	100.00
PENGUATKUASAAN	10	10	100.00
TADBIR URUS	14	14	100.00
IKLAN	14	14	100.00
PERUMAHAN	21	21	100.00
KEBERSIHAN PERMIS MAKANAN	24	24	100.00
BENCANA ALAM	38	38	100.00
TAMAN PERMAINAN / TAMAN RIADAH / TAMAN TASIK / DATARAN	47	47	100.00
HALANGAN AWAM	55	55	100.00
LESEN PERNIAGAAN	56	56	100.00
HARTA PBT	72	71	98.61
PROJEK/TAPAK BINAAN	72	72	100.00
PENCEMARAN	116	116	100.00
PENJAJA	129	129	100.00
TEMPAT LETAK KENDERAAN / PARKIR	179	179	100.00
BANGUNAN	232	232	100.00
LAMPU	280	280	100.00
KEJIRANAN	284	284	100.00
JALAN	324	312	96.30
POKOK	412	412	100.00
HAIWAN / SERANGGA	442	442	100.00
PEMBERSIHAN AWAM	922	887	96.20
JUMLAH	3,759	3,711	98.72


KATEGORI ADUAN TERTINGGI



PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT KAWASAN



SALURAN PENERIMAAN ADUAN



DIREKTORI



YANG DIPERTUA

PUAN JULAIHAH BINTI JAMALUDIN *A.M.S.*



SETIAUSAHA

PUAN DEWI DIRWANA BINTI MUNASIR *A.I.S.*



PENGARAH

JABATAN PERBENDAHARAAN

ENCIK SAIFUL RIZZA BIN HJ PIAMIN, *C.A (M), P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN PERANCANG BANDAR

TPr. Gs. AZLINA BINTI MOKHTAR, *P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN PELESENAN

ENCIK KAMARUZZAMAN BIN ABDUL RAHMAN, *P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN LANDSKAP

LAr. MOHD FADHIL BIN MOHD LANI, *P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL & PEMBERSIHAN AWAM

ENCIK MOHD SHAHRIL BIN RAMLI



PENGARAH

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

ENCIK MOHD NORAZIF BIN AHMAD TAMSIS, *P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN BANGUNAN

ENCIK MD RIZAL BIN MOHD SOFIAN@ABD KARIM, *P.J.K.*



PENGARAH

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

ENCIK AMLIE BIN ISMAIL, *P.P.T.*



PENGARAH

JABATAN PENGUATKUASAAN

ENCIK MUHAMMAD AZRUL NIZAM BIN MOHD AZIZI



PENGARAH

JABATAN KEJURUTERAAN

PUAN SHARIFAH BINTI ATAN



KETUA

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

PUAN NURUL HUDA AHMAD BINTI KHAIRUDDIN



KETUA

BAHAGIAN KORPORAT

PUAN JUNAINAH BINTI ABDULLAH, *P.P.T.*



KETUA

BAHAGIAN PUSAT SETEMPAT (OSC)

PUAN HAYATI BINTI KUNEH



KETUA

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN

PUAN NURUL ASSHIMA BINTI AMINULLAH



KETUA

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

ENCIK MOHAMAD RAMDAN BIN IBRAHIM



KETUA

BAHAGIAN PEROLEHAN

IK NORAZIMAH BINTI MOHD ARSHAD, *P.P.C.*



KETUA

BAHAGIAN PERUNDANGAN

PUAN RUZIANAH BINTI MOHAMAD



KETUA

BAHAGIAN AUDIT DALAM

ENCIK SAMSUL KAMAL BIN ABD AZIZ



KETUA

UNIT INTEGRITI

ENCIK ABDULLAH SHAHRUL BIN ROSLI

YANG DIPERTUA
SETIAUSAHA, PENGARAH/KETUA JABATAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS



Y.A.D. RAJA DATO' MUZAFFAR BIN RAJA REDZWA, *D.S.I.S.*
ZON 24



SARIPAH BINTI BAKAR
ZON 9



PUVANESVARAN A/L PATCHIMUTHU
ZON 17



ABDUL MUN'IM BIN ROSLIN
ZON 5



MOHD GHAFURULLAH BIN ISMAIL
ZON 22



RAJESH RAO A/L BALAKRISHNAN
ZON 11



ROHANI BINTI YUSOF
ZON 3



ELYN LAW SUET PENG
ZON 06



HAYATI BINTI CHAT
ZON 21



MOHAMAD FARIDUL AMINI BIN SUHAIMI
ZON 18



SRIKANTH A/L SANTRAKANDM
ZON 7



YONG CHAN HEE
ZON 10



MD JOHARI BIN HALUS
ZON 2



THILAGESWARY A/P MUNIANDI
ZON 8



LAW SAY HIN
ZON 12



A. DURAI ANBALAGAN A/L AYYA KANAMA
ZON 4



FUAD BIN AHMAD NARAVI
ZON 19



MOHD REZZA BIN RAMLAY
ZON



ENG TECK MING
ZON 23



CHINNIAH A/L SUBRAMANIAM
ZON 13



WONG SHEAU MEI @ ONG SHEAU MEI
ZON 14



MURUGAN A/L VEERAPANDIAN
ZON 20



AYLWIN CHAN WAI TUCK
ZON 16



AZRUL BIN AZIZ
ZON 1


MPHS GO
HULU SELANGOR
Perkhidmatan Majlis
DI HUJUNG JARI ANDA
Lebih Mudah | Lebih Pantas | Lebih Dekat
MPHS
9:41
MPHSGO+
Direktori & Kecemasan
Kecemasan
Talian Utama 24 Jam
Direktori Telefon
Agensi Hulu Sel.
Pejabat Penghulu
Info Bencana
Kutipan Sampah
Jadual & Maklumat KEDBWM
Bas Smart Selangor
Laluan & Jadual Hulu Selangor
Tempat Menarik
Lihat Semua
Kuala Kubu Bharu
Serendah
Home
Services
Emergency
Tempat Menarik
Muat turun
MPHS GO
sekarang
GET IT ON Google Play
Download on the App Store